




# SYARIAH: USUL FIQH (BAHAGIAN 1)

## OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- 1. Memahami Konsep Asas Usul Fiqh dan Kedudukannya dalam Istinbat Hukum:** Peserta kursus akan dapat memahami pengenalan ilmu Usul Fiqh, kepentingannya serta peranannya sebagai metodologi utama dalam proses pengeluaran hukum syarak daripada al-Quran, al-Sunnah dan sumber-sumber syariah yang lain.
- 2. Menghuraikan Dalil-dalil Syarak yang Disepakati sebagai Sumber Hukum:** Peserta akan dapat menjelaskan al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas dari sudut definisi, jenis, kehujahan serta peranannya dalam pembentukan hukum Islam secara sistematik dan berstruktur.
- 3. Memahami Syarat dan Rukun dalam Kaedah Istinbat Hukum (Qiyas):** Peserta akan dapat mengenal pasti rukun qiyas serta syarat-syarat yang berkaitan dengan al-asl, al-far', 'illah dan hukm al-asl serta memahami kepentingannya dalam memastikan ketepatan pengeluaran hukum oleh para ulama.
- 4. Mengetahui Dalil-dalil yang Tidak Disepakati Ulama:** Peserta akan dapat menghuraikan pelbagai dalil yang tidak disepakati seperti masalah mursalah, 'urf, istihsan, istishab, sadd al-dhara'i, fatwa sahabat dan syar' man qablana serta memahami peranannya dalam perkembangan fiqh semasa.
- 5. Membentuk Kefahaman Menyeluruh Terhadap Metodologi Istinbat Hukum Islam:** Peserta akan dapat memahami bahawa pengeluaran hukum oleh para ulama adalah satu proses ilmiah yang kompleks, berdisiplin dan memerlukan penguasaan pelbagai ilmu serta mampu memahami cara berfikir fuqaha dalam menilai dalil dan merumuskan hukum.

## SESI PERTAMA

# PENGENALAN USUL FIQH

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada sesi ini, peserta akan dapat memahami pendahuluan serta kepentingan ilmu Usul Fiqh, menjelaskan pengertian dan definisinya secara sistematis, menghuraikan tujuan mempelajarinya dalam konteks istinbat hukum, mengenal pasti pengasas serta sumbangannya, menerangkan peringkat perkembangan ilmu ini, seterusnya membezakan antara Usul al-Fiqh dengan ilmu-ilmu lain serta mengaplikasikan kefahaman asas tersebut dalam memahami dalil dan pembentukan hukum secara umum.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Ilmu Usul Fiqh
- Tujuan Mengetahui Ilmu Usul Fiqh
- Pengasas Ilmu Usul Fiqh
- Peringkat Perkembangan Ilmu Usul Fiqh
- Perbezaan antara Usul al-Fiqh dengan Ilmu-ilmu Lain

## **SESI PERTAMA: FAJAR KENABIAN DAN PEMBINAAN UMAT AWAL**

### **PENDAHULUAN**

Ilmu Usul al-Fiqh merupakan salah satu disiplin teras dalam memahami Syariah Islam secara menyeluruh dan berstruktur. Ia berfungsi sebagai kerangka metodologi yang membimbing para ulama dalam meneliti, mentafsir dan mengistinbat hukum-hakam daripada sumber utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Tanpa pendekatan yang tersusun ini, proses pengeluaran hukum berisiko menjadi tidak konsisten serta terdedah kepada kesilapan, khususnya dalam menghadapi pelbagai isu baharu yang sentiasa berkembang seiring perubahan zaman.

Seiring dengan perkembangan masyarakat Islam yang semakin kompleks, keperluan terhadap ilmu Usul al-Fiqh menjadi semakin penting bagi memastikan hukum yang dikeluarkan kekal berasaskan prinsip-prinsip syariah yang sahih. Ilmu ini bukan sahaja relevan kepada para mujtahid, malah turut memberi nilai tambah kepada penuntut ilmu dan pengamal dalam memahami asas kepada sesuatu hukum. Dengan itu, Usul al-Fiqh menjadi jambatan penting yang menghubungkan nas-nas wahyu dengan realiti kehidupan manusia.

### **DEFINISI ILMU USUL FIQH**

Istilah Usul Fiqh mungkin asing bagi sebahagian daripada orang awam. Sebaliknya, ada dalam kalangan orang awam pernah mendengar istilah tersebut. Sebenarnya, ilmu ini merupakan antara ilmu asas bagi disiplin pengajian hukum Islam. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu ini?

Maksud Usul dari segi bahasa ialah asas atau al-dalil atau kaedah manakala maksud dari segi istilah ialah asas sebuah sesuatu. Manakala maksud Fiqh dari segi bahasa ialah mengetahui atau kefahaman, manakala maksud dari segi istilah ialah ilmu berkenaan

hukum-hakam syarak yang bersifat amaliyah (praktikal) yang diambil daripada dalil-dalil tafsili (terperinci).

Jika disebut ilmu Usul Fiqh, ia bermaksud ilmu yang membahaskan tentang kaedah dan asas yang digunakan oleh para mujtahid dalam mengeluarkan hukum syarak bagi perbuatan mukallaf daripada dalil-dalil fiqh yang bersifat ijmal (menyeluruh).

Tahukah anda apakah kaedah yang digunakan sehingga ditentukan wajib dan haram sesuatu tindakan, perbuatan atau seumpamanya? Ia sebenarnya ditentukan oleh kaedah-kaedah usul fiqh yang telah disusun oleh para ulama.

Usul fiqh hanya melibatkan perbincangan tentang kaedah bagaimana sesuatu hukum itu ditentukan. Sebagai contoh, bagaimana boleh ditentukan solat lima waktu itu wajib? Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan hukum tersebut? Oleh itu, usul fiqh menjadi asas penentuan hukum, sementara hukum itu sendiri menjadi hasil kepada penggunaan kaedah usul fiqh.

## **TUJUAN MENGETAHUI ILMU USUL FIQH**

Tujuan utama ilmu usul al-fiqh adalah untuk membolehkan seorang mujtahid menggunakan kaedah-kaedahnya bagi mengeluarkan hukum-hukum syariah yang praktikal daripada dalil-dalil yang terperinci.

Seseorang yang mempunyai kelayakan ijtihad, boleh melalui kaedah usul, memahami nas-nas syariah sama ada yang jelas atau tersembunyi serta mengeluarkan hukum daripadanya. Dia juga mampu menggunakan kaedah seperti qiyas, istihsan, istislah dan istishab untuk menentukan hukum bagi isu-isu baharu.

Bagi mereka yang tidak mencapai tahap ijtihad pula ilmu usul al-fiqh tetap bermanfaat untuk memahami bagaimana hukum diistinbatkan. Mereka boleh menggunakannya untuk merujuk dan membina hukum bagi isu baharu berdasarkan pandangan ulama terdahulu, membandingkan pendapat para fuqaha berserta dalil-dalil mereka serta memilih pandangan yang paling kuat dari segi dalil.

### **Tujuan ilmu fiqh:**

Tujuan ilmu fiqh adalah untuk menerapkan hukum-hukum syariah ke atas perbuatan manusia, bagi menjelaskan mana yang halal dan mana yang haram.

Dengan itu, fiqh menjadi rujukan penting bagi para ilmuwan, hakim dan mufti dalam menentukan hukum syarak terhadap segala percakapan, perbuatan, peristiwa dan pertikaian yang berlaku dalam kalangan manusia.

## **PENGASAS ILMU USUL FIQH**

Sejauh manakah wajar untuk menyatakan bahawa Imam asy-Syafi'i merupakan pengasas ilmu Usul al-Fiqh? Terdapat satu pandangan yang menyatakan bahawa Usul al-Fiqh telah wujud sejak kewujudan fiqh itu sendiri. Hal ini demikian kerana fiqh tidak mungkin terbentuk tanpa adanya sumber-sumbernya serta kaedah untuk memahami dan mengaplikasikan sumber tersebut. Banyak contoh boleh dikemukakan bagi menunjukkan bagaimana pada zaman awal Islam, para sahabat telah mengistinbat hukum-hakam fiqh daripada sumber-sumbernya.

Malah sebelum kemunculan Imam asy-Syafi'i, diketahui bahawa Imam Abu Hanifah telah menggunakan kaedah qiyas (analogi) dan istihsan, manakala Imam Malik pula terkenal dengan konsep amalan ahli Madinah. Walau bagaimanapun, melalui karya-karya Imam

asy-Syafi'i, ilmu Usul al-Fiqh telah disusun secara sistematis menjadi satu disiplin ilmu yang tersusun. Beliau telah menumpukan karya agungnya, ***al-Risalah***, khusus dalam bidang ini.

Ketika Nabi Muhammad masih hidup, panduan dan penyelesaian terhadap sesuatu masalah diperoleh sama ada melalui wahyu atau keputusan Baginda secara langsung. Selepas kewafatan Baginda, para sahabat pula terus merujuk kepada ajaran dan sunnah Baginda, dan keputusan mereka banyak dipengaruhi oleh contoh yang ditinggalkan oleh Baginda. Kedekatan mereka dengan sumber serta pemahaman mendalam terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku membolehkan mereka membuat keputusan hukum tanpa keperluan mendesak kepada satu metodologi yang tersusun.

Keperluan kepada metodologi Usul al-Fiqh mula menjadi penting apabila individu yang tidak berkelayakan cuba melakukan ijtihad sehingga menimbulkan risiko kesilapan dan kekeliruan dalam perkembangan syariah, yang menjadi kebimbangan para ulama. Imam asy-Syafi'i muncul pada ketika perbezaan pandangan fiqh semakin ketara antara ulama Madinah dengan Iraq, yang masing-masing dikenali sebagai Ahl al-Hadith dan Ahl al-Ra'y. Pada masa yang sama juga para ulama hadis telah berjaya mengumpulkan dan mendokumentasikan hadis secara lebih sistematis.

Selain itu, antara faktor yang mendorong Imam asy-Syafi'i untuk memperhalusi teori perundangan Usul al-Fiqh ialah kemasukan besar-besaran masyarakat bukan Arab ke dalam wilayah Islam. Golongan ulama Syiah pula mendakwa bahawa Imam kelima mereka, Muhammad al-Baqir, serta anaknya Ja'far al-Sadiq, merupakan antara yang terawal menulis mengenai Usul al-Fiqh. Namun menurut Abu Zahrah, walaupun para Imam Syiah ada membincangkan topik tersebut, tiada karya mereka yang setanding dengan al-Risalah dari segi susunan dan perbahasannya.

Kerangka asas empat sumber utama hukum yang dihuraikan oleh Imam asy-Syafi'i kemudiannya diterima secara umum oleh para ulama walaupun setiap mazhab menyumbang kepada pengembangan lanjut. Mazhab Hanafi, misalnya, menambah konsep istihsan dan adat ('urf) dalam Usul al-Fiqh, manakala mazhab Maliki mengehadkan konsep ijmak kepada ijmak penduduk Madinah sahaja. Walau bagaimanapun, tiada mazhab yang menyimpang secara ketara daripada prinsip asas yang telah digariskan oleh Imam asy-Syafi'i.

## **PERINGKAT PERKEMBANGAN ILMU USUL FIQH**

Usul Fiqh sebagai satu kaedah penentuan hukum telah lama wujud. Bahkan menurut Abu Zuhrah, ia telah wujud bersama wujudnya fiqh itu sendiri. Ini memang benar kerana Usul Fiqh merupakan asas kepada kewujudan Fiqh itu sendiri. Bagaimana mungkin ada buah jika tidak ada pokoknya? Namun, kemunculannya sebagai satu cabang ilmu yang tersusun berlaku satu abad lebih selepas Baginda Rasulullah SAW.

Zaman awal Islam ini kita dapat bahagikan kepada dua, iaitu zaman sahabat dan zaman tabi'in.

### **a) Zaman Sahabat**

Generasi para sahabat misalnya telah menggunakan metodologi dan kaedah tertentu dalam membuat ketetapan sesuatu hukum dan kaedah tersebut sebenarnya merupakan kaedah Usul Fiqh.

Namun, kaedah tersebut tidak disusun sebagai satu disiplin ilmu yang tertentu dan tersusun. Sebagai contoh, Abdullah Ibn Mas'ud sewaktu menentukan tempoh 'idah bagi isteri hamil yang kematian suami adalah dengan berlakunya kelahiran bayi yang dikandung. Beliau telah bersandarkan kepada firman Allah dalam surah at-Talaq, ayat 4 maksudnya: *"Mereka (perempuan-perempuan yang hamil), 'idah mereka ialah setelah mereka melahirkan kandungannya."* Beliau menyebutkan bahawa ayat ini diturunkan kemudian daripada ayat al-Baqarah, ayat 234.

ia menunjukkan bahawa beliau beramal dengan prinsip nasakh yang merupakan salah satu kaedah Usul Fiqh. Begitu juga Umar al-Khattab yang berjihad supaya negeri Iraq yang ditawan oleh tentera Islam tidak dijadikan harta ghanimah yang dibahagikan kepada tentera yang berperang.

Bahkan ia dimiliknegerakan kerana menjaga masalah ekonomi negara pada waktu itu. Kaedah yang dipakai “apabila bertembung antara masalah umum (negara) dengan masalah khusus (tentera yang berperang dan layak mendapat harta ghanimah), maka kepentingan umum akan diberi keutamaan”.

Jika demikian, kenapa ilmu Usul Fiqh belum muncul? Jawapannya adalah kerana generasi sahabat belum memerlukan satu penyusunan ilmu yang sedemikian rupa kerana mereka bersama Rasulullah SAW. Sebarang masalah terus dirujuk kepada Baginda. Setelah kewafatan Baginda, para sahabat tidak memerlukannya lagi kerana mereka memiliki kefahaman dan kemahiran yang mendalam tentang kedua-dua sumber hukum, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Mereka hidup dan melihat sendiri wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW.

## **b) Zaman Tabi'in**

Menyusul zaman tabi'in, gerakan ijtihad semakin meluas dan berkembang disebabkan berlakunya pelbagai perkara baru dalam masyarakat. Dengan demikian, penerokaan kepada kaedah ijtihad yang lebih luas dirasai keperluannya. Para ulama tabi'in dalam membuat kesimpulan hukum telah menggunakan kaedah tertentu. Namun, mereka belum menyusun kaedah tersebut dalam satu bentuk ilmu yang tersusun.

## **Perkembangan Ilmu Usul Fiqh pada Zaman Penyusunan**

Perkembangan baru telah mula tercetus pada zaman ini yang dikenali sebagai zaman para imam mujtahid keperluan penyusunan ilmu Usul Fiqh telah mula dirasai kerana beberapa latar belakang yang wujud ketika itu.

Salah satu faktor keperluan penyusunan ialah kemahiran bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar kedua-dua sumber hukum utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah telah tidak lagi dikuasai dengan mantap. Penguasaan in terjejas disebabkan para ulama telah



banyak bergaul dengan orang bukan Arab yang telah banyak menerima Islam. Bahkan mula lahir ulama yang bukan berbangsa Arab. Dengan ini, ilmu bahasa Arab dirasakan perlu dipelajari secara teratur. Hal yang sama turut berlaku kepada ilmu tentang al-Quran dan al-Sunnah memandangkan telah berlaku pemisahan jurang generasi yang agak jauh dengan generasi yang hampir dengan Rasulullah SAW.

Selain itu juga perkembangan tempatan dan semasa yang berlaku menuntut para ulama mempunyai kaedah penyelidikan yang mantap untuk menangani keperluan yang wujud pada waktu itu. Terpisahnya para ulama di penempatan yang pelbagai telah turut menyumbangkan kepada kepelbagaian cara dan pendekatan dalam berijtihad kerana pengalaman hidup yang berbeza-beza.

Kaedah penentuan hukum/ijtihad pada zaman ini telah terbentuk dengan begitu luas dan jelas dalam kalangan para ulama lantaran keperluan realiti hidup yang berlaku dan perkembangan keilmuan pada zaman tersebut. Mereka telah mempunyai ciri-ciri metodologi yang tersendiri dan berbeza-beza.

Sebagai contoh, Imam Abu Hanifah telah menentukan bahawa sumber hukum Islam ialah al-Quran dan kemudiannya al-Sunnah dan seterusnya fatwa-fatwa sahabat. Dalam berijtihad, beliau banyak berpandukan kepada qiyas dan istihsan. Imam Malik pula banyak berpegang kepada “amalan penduduk Madinah” sebagai sumber hukum.

Hasil daripada perkembangan yang berlaku, wujud dua aliran pemikiran hukum yang jelas, iaitu:

a) Aliran fiqh Madinah.

b) Aliran fiqh Iraq.

Antara kedua-dua aliran ini, kadangkala berlaku perdebatan yang serius. Hasilnya, penyusunan ilmu Usul Fiqh yang teratur sebagai garis panduan yang lengkap kepada penyelidikan hukum telah dirasai kepentingannya. Inisiatif ke arah cita-cita tersebut akhirnya menjadi kenyataan apabila Imam asy-Syafi'i menjadi pengasas kepada penyusunan Usul Fiqh.

Imam asy-Syafi'i merupakan orang pertama yang berusaha mengumpul, menyusun dan membukukan kaedah-kaedah Usul Fiqh. Usaha ini dibuat setelah beliau mendapati terdapat berbagai-bagai perdebatan dan perbahasan antara kedua-dua aliran tadi, dan terkadang perdebatan tersebut sampai ke peringkat pertembungan yang serius. Oleh yang demikian, menjadi suatu kewajaran supaya satu disiplin dan kaedah dalam membuat kesimpulan hukum dibuat bagi membolehkan para mujtahid sama ada aliran Madinah mahupun Iraq menjadikan gagasan tersebut sebagai panduan dalam itihad mereka.

Sebenarnya, usaha pembukuan dan penulisan Usul Fiqh bukan merupakan perkara yang mudah. Ia memerlukan beberapa kepakaran tertentu. Usaha tersebut memang layak dilakukan oleh Imam asy-Syafi'i kerana beliau sendiri telah dapat menguasai cara dan kaedah kedua-dua aliran tadi. Beliau sebenarnya telah mengikut perkembangan fiqh aliran Madinah hasil perguruan dengan Imam Malik, sementara fiqh aliran Iraq pula didapati melalui pergaulannya dengan Muhammad Ibn Hasan salah seorang murid terkenal Imam Abu Hanifah.

Tambahan pula Imam Syafi'i merupakan tokoh ulama yang mahir dan menguasai berbagai-bagai bidang yang menjadi keperluan asas kepada ilmu Usul Fiqh. Beliau merupakan seorang alim dalam bahasa Arab, arif tentang hukum-hukum fiqh yang disusun sejak zaman para sahabat sehingga ke zamannya di samping menguasai titik perselisihan yang berlaku antara para ulama. Begitu juga kaedah yang digunakan dalam membuat ketetapan hukum dan lain-lain yang berkaitan. Kemahiran dan penguasaan ini digunakan sepenuhnya oleh Imam Syafi'i dalam usahanya menyusun dan membukukan ilmu Usul Fiqh.

Imam Syafi'i apabila disebut sebagai ulama pertama yang menyusun dan membukukan ilmu Usul Fiqh, ia bermakna beliau dianggap sebagai ulama ulung yang berusaha bagi mengumpul, menyusun dan membukukan kaedah dan manhaj yang digunakan dalam berijtihad dan membuat kesimpulan hukum dalam bentuk yang tersusun dan teratur sehingga akhirnya beliau mampu mengeluarkan sebuah kitab yang dinamakan al-Risalah.

Para ulama yang terkemudian telah membuat pengakuan dan pengiktirafan bahawa apa yang disusun oleh Imam Syafi'i adalah sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana ulama sebelumnya. Sehingga sekarang, al-Risalah masih kekal menjadi rujukan terpenting pengkaji-pengkaji ilmu Usul Fiqh.

## **Perkembangan Ilmu Usul Fiqh pada Zaman Selepas Penyusunan**

Al-Risalah merupakan model penulisan Usul Fiqh yang pertama dan telah dijadikan asas kepada perkembangan usaha selanjutnya. Selepas tersusunnya al-Risalah, ulama-ulama terkemudian telah membuat beberapa usaha baru berasaskan kepada kitab tersebut. Antaranya, usaha-usaha membuat penghuraian dan ulasan terhadap beberapa konsep dan kaedah yang dibincangkan. Seseengah yang lain pula menokok tambah beberapa kaedah lain yang tidak disebut. Manakala yang lain pula membuat sanggahan terhadap beberapa konsep dan kaedah yang dikemukakan oleh Imam Syafi'i.

Kesimpulannya, segala penulisan yang ditulis selepas al-Risalah merupakan suatu analisis terhadap kandungan dan beberapa konsep yang dikemukakan oleh Imam Syafi'i. Metodologi beliau dalam al-Risalah telah menjadi asas penting kepada perkembangan penyusunan dan penulisan ilmu Usul Fiqh selepasnya dalam jangka masa yang agak lama sehingga akhir kurun keempat.

Antara penulisan yang lahir selepas al-Risalah ialah Kitab Ta'at al-Rasul, al-Nasikh wa al-Mansukh, Kutub al-'Ilal yang dikarang oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal. Begitu juga kitab-kitab seperti Ibtal al-Taqlid, Ibtal al-Qiyas dan lain-lain yang ditulis oleh Ibn al-Hazm al-Zahiri.

Dalam kurun keempat ini, terdapat usaha-usaha yang dibuat oleh ulama-ulama mutaakhir yang menghuraikan atau membuat perincian dan ulasan terhadap al-Risalah. Antaranya:

a) *Syarh* - Abu al Walid al-Naisaburi (m. 439).

b) *Syarh* - Abu Bakar al-Sairafi (m.330).

c) *Syarh* - al-Qaffal al-Syasyi (m.365).

Walau bagaimanapun, ulasan dan komentar ini tidak didapati dalam simpanan mana-mana perpustakaan di dunia hari ini. Selain ulasan-ulasan tersebut, terdapat beberapa penulisan Usul Fiqh yang ditulis selepas al-Risalah. Antaranya:

a) *Al-Luma'* oleh Abu al-Farj bin Muhammad al-Maliki (m.331).

b) *Al-Asyraf 'Ala Usul al-Fiqh* oleh Abu Hamid al-Basri, al Syafi'i.

Pada akhir kurun keempat dan awal kurun kelima hijrah, berlaku perkembangan baru dalam ilmu Usul Fiqh. Para ulama mazhab Hanafi dan ulama ilmu al-Kalam telah mula menulis dan menyusun penulisan yang dianggap baru dan tersendiri dengan membawa metodologi yang tersendiri. Penulisan-penulisan tersebut disusun berdasarkan kepada unsur-unsur berikut:

- a) Hukum-hukum fiqh.
- b) Dalil dan sumber-sumber hukum tersebut.
- c) Kaedah dalam membuat ketetapan hukum.
- d) Ulama mujtahid.

Kedua-dua aliran tadi telah membuat pendedahan mengenai empat unsur di atas dengan pendekatan yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

#### **a) Aliran Ahli Ilmu al-Kalam**

Aliran ini diwakili oleh para ulama Ilmu al-Kalam daripada ulama mazhab Muktazilah, kebanyakan ulama mazhab Syafi'i dan ulama mazhab Maliki. Antara ciri keistimewaan aliran ini ialah menekankan unsur penetapan kaedah yang bersifat teori dengan sokongan daripada dalil-dalil yang berkaitan.

Mana-mana kaedah yang bersesuaian dengan dalil sama ada 'aqli atau naqli akan diterima dan dianggap tepat. Ia dilakukan tanpa mengambil kira sama ada kaedah itu bersesuaian dan selaras dengan hukum yang ada dalam mazhab mereka atau sebaliknya. Pendedahan yang dibuat oleh aliran ini bukanlah terhad kepada pembentukan kaedah Usul Fiqh yang menjadi asas pembinaan hukum fiqh. Ia juga turut menyoroti unsur-unsur falsafah dan logik, yang secara langsung mempunyai hubungan dengan ilmu al-Kalam.

Menurut aliran ini, kaedah-kaedah tadi menjadi penentu kepada hukum-hukum fiqh. Oleh itu, semasa membuat pengolahan tentang kaedah usul, jarang-jarang sekali dikemukakan hukum-hukum fiqh kecuali hanya dalam bentuk contoh dan keterangan kepada kaedah yang disebutkan. Kedudukan ini berlainan sekali dengan aliran penulisan Hanafi yang sangat bergantung kepada hukum-hukum fiqh dalam menentukan kaedah Usul Fiqh.

Antara kitab yang dihasilkan oleh aliran ini ialah:

- i) *Al-Mu'tamad* oleh Abu al-Husin Muhammad bin Ali al-Basri (m. 1435H).
- ii) *Al-Burhan* oleh Imam al-Haramain Abdul Malik bin Abdullah al-Juwaini (m. 478H).
- iii) *Al-Mustasfa* oleh Imam al-Ghazzali (m. 505H) dan lain-lain.

## **b) Aliran Hanafi**

Keistimewaan yang ditonjolkan oleh aliran ini pula ialah penekanan dari sudut pembentukan kaedah berdasarkan hukum-hukum fiqh, cabang yang diambil daripada ijtihad yang dibuat oleh imam-imam mazhab. Mereka akan mengolah kaedah-kaedah yang dibentuk supaya bersesuaian dengan hukum-hukum fiqh yang dinukilkan daripada para imam mazhab.

Oleh yang demikian, hukum-hukum fiqh dalam aliran ini menjadi penentu kepada kesahihan kaedah. Kesimpulannya, pendekatan ini menjadikan kaedah Usul Fiqh yang dibina tunduk kepada kehendak hukum-hukum fiqh yang sedia ada dalam khazanah fiqh mazhab.

Keadaan ini berlaku kerana kaedah-kaedah usul dan prinsip asas tidak dinukilkan daripada para imam mazhab. Yang ada hanyalah hukum-hukum fiqh cabang. Oleh itu, mereka berusaha menetapkan kaedah yang boleh menyokong hukum-hukum tersebut yang boleh dijadikan perisai bagi menghadapi perdebatan dengan lawan mereka.

Jika didapati beberapa kaedah tertentu berlawanan dengan hukum fiqh, maka mereka berusaha sedaya mungkin untuk mengubah kaedah tersebut supaya selari dengan hukum yang ada.

Antara penulisan yang ditonjolkan oleh aliran ini ialah:

- i) Kitab *Usul al-Karkhi* oleh Abu al-Hassan al-Karkhi (m. 340H).
- ii) Kitab *al-Usul* oleh Abu Bakar al-Jassas (m.307H).
- iii) *Ta'sis al-Nazar dan Taqwim al-Adillah* oleh Abu Zaid al-Dabusi (m.430H1).
- iv) *Kanz al-Usul Ila Makrillah al-Usul* oleh Fakhr al-Islam al-Bazdawi (m.482H) dan lain-lain.

Penulisan-penulisan aliran ini tidak terhad kepada ulama Hanafi sahaja tetapi juga turut melibatkan ulama-ulama mazhab lain seperti Syafi'i, Maliki dan Hanbali. Antaranya:

i) *Takhrij al-Furu' 'Ala al-Usul* oleh Syihabud Din al-Zanjani (m.656H).

ii) *Al-Tamhid Fi Takhrii al Furu' Ala al-Usul* oleh Jamaluddin AbdurRahim al-Isnawi (m. 722H)

### **c) Aliran Mutaakhirin**

Pada kurun ketujuh hijrah, terdapat usaha bersama antara ulama Hanafi dan Syafi'i dalam menggabungkan pendekatan kedua-dua aliran di atas tadi dengan penekanan dalam pembentukan kaedah usul yang disertakan dengan dalil dan hujah serta aplikasi kaedah-kaedah tadi ke atas hukum-hukum fiqh.

Antara kitab yang ditulis dalam aliran ini seperti:

i) *Badi' al Nizam, al-Jami' Bayn Usul al- Bazdawi Wa al-Ahkam* oleh MuzfirudDin Ahmad bin 'Ali al-Hanafi (m. 694H).

ii) *Tanqih al-Usul* oleh Ubaidullah Ibn Mas'ud al-Hanafi (m. 747H).

iii) *Jami' al-Jawami'* oleh TajudDin 'Abdul Wahhab bin 'Ali al Subki al-Syafi'i (m. 771H).

Perkembangan penulisan ilmu Usul Fiqh terus berlaku dengan muncul penulisan dalam bentuk baru dengan gaya bahasa yang lebih mudah difahami. Usaha ini kebanyakannya dipelopori oleh para ilmuwan baru yang secara langsung terlibat dengan tugas pengajaran Usul Fiqh di institusi-institusi pengajian tinggi.

Antara hasil penulisan yang dilahirkan oleh golongan ini seperti:

i) *Tashil al-Wusul Ila 'Imi al-Usul* oleh Syeikh AbdurRahman al-Mahlawi (m.1920).

ii) *Usul al-Fiqh* oleh Muhammad al-Khudhari (m. 1927H).

iii) *Usul al-Fiqh* oleh Abdul Wahab Khallaf (m. 1955H).

iv) *Usul al-Fiqh* oleh Muhammad Abu Zahrah (m. 1978H) dan lain-lain.

Jika dilihat pula kepada perkembangan terkini yang berlaku dalam dunia umat Islam, didapati pendedahan ilmu ini perlu terus diperkembangkan sesuai dengan keperluan semasa. Keperluan ini perlu digarap secara serius oleh para ilmuwan Islam sekarang bagi menjayakan usaha menjadikan hukum Islam sebagai rujukan kepada penyelesaian masalah ummah kini.

## PERBEZAAN ANTARA USUL FIQH DENGAN ILMU-ILMU LAIN

Ilmu Usul Fiqh mempunyai perbezaan dengan beberapa ilmu lain yang kelihatan berkaitan. Perbezaan ini wajar dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan. Antara ilmu yang berkaitan termasuklah

- a) Fiqh; dan
- b) Qawa'id Fiqh
- c) Maqasid Syariah.

Perbezaan pertama antara Usul Fiqh dengan Fiqh dapat digambarkan dalam jadual berikut:

| Usul Fiqh                                                                                | Fiqh                                                                                                                     |
|------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| a) Membincangkan tentang dalil dan kaedah yang bersifat ijmali (menyeluruh).             | a) Membincangkan tentang dalil tafsili (terperinci).                                                                     |
| b) Istilah hukum di sisi para ulama usul ialah teks al-Quran atau al-Sunnah itu sendiri. | b) Istilah hukum di sisi para ulama fiqh ialah kesan hukum yang dihasilkan daripada setiap teks al-Quran atau al-Sunnah. |

**Keterangan (a):** Ilmu Usul Fiqh membincangkan tentang dalil dan kaedah yang bersifat ijmali (umum/menyeluruh). Ia akan menerangkan metodologi yang mesti diikuti oleh setiap ulama dalam menentukan dan mengenal pasti sesuatu hukum syarak. Sebaliknya, perbincangan dalam ilmu Fiqh pula lebih tertumpu kepada penentuan hukum terhadap sesuatu masalah berdasarkan dalil tafsili (terperinci).

Sebagai contoh, ulama Usul Fiqh lebih banyak membincangkan mengenai sesuatu kaedah hukum yang umum atau dalil syarak dalam skop yang lebih luas seperti perbincangan mengenai kaedah: “Semua bentuk arahan memberi maksud wajib selagi tidak dinafikan oleh dalil syarak yang lain”, perbincangan mengenai pengertian al-Quran, sunnah, jenis dan statusnya, pengertian ijmak, konsep al-qiyas dan aplikasinya dan lain-lain yang seumpamanya.

Sebaliknya, skop perbincangan para ulama Fiqh pula lebih sempit kerana mereka hanya menganalisis dan memutuskan hukum terhadap sesuatu masalah berdasarkan sepotong nas atau ayat daripada dalil syarak yang bersifat tafsili.

Sebagai contoh, para ulama Fiqh menilai dan mengkaji hukum solat fardu dengan berdasarkan sepotong ayat al-Quran: “Dan dirikanlah solat ....” Hasil daripada kefahaman dan analisis yang dibuat, mereka akhirnya memutuskan bahawa hukum mendirikan solat fardu adalah wajib memandangkan kandungan ayat tersebut telah dinyatakan dalam bentuk arahan. Dengan perkataan lain, ulama Fiqh juga perlu memahami ilmu Usul Fiqh sebagai kaedah yang dijadikan panduan bagi mereka untuk mengenal pasti sesuatu hukum bagi kes-kes yang berkaitan.

**Keterangan (b):** Hukum pada ulama Usul Fiqh merujuk kepada ayat al-Quran itu sendiri sebagai contoh, ayat 110 daripada surah al-Baqarah. Ia biasa dinamakan dalam pengajian Usul Fiqh sebagai “Khitab Allah”. Tetapi, hukum pada ulama Fiqh ialah hukum wajib mengerjakan solat hasil daripada firman Allah dalam ayat 110, surah al-Baqarah.

Perbezaan kedua ialah Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh. Kedua-dua ilmu ini berkaitan dengan kaedah. Perkataan qawa'id pada istilah qawa'id fiqh ialah kata jamak kepada perkataan kaedah mengikut perkaedahan bahasa Arab. Dalam perbincangan terdahulu telah kita sebutkan bahawa usul fiqh merupakan ilmu yang membincangkan kaedah bagaimana



penentuan suatu hukum syarak dilakukan. Daripada usul fiqh lahirnya hukum fiqh. Daripada hukum fiqh pula terbentuknya qawa'id fiqh seperti berikut:

a) **Ilmu Fiqh:** Sebagai kaedah “perintah memberi maksud wajib”.

b) **Fiqh:** Sebagai contoh “wajibnya solat fardu”.

c) **Ilmu Qawa'id Fiqh:** Sebagai contoh kaedah “setiap perkara bergantung pada niat”.

Dengan berpandukan kaedah fiqh, para ulama boleh menjadikannya sebagai panduan umum dalam membuat ketentuan hukum. Kaedah ini berperanan menjadi garis panduan untuk para pengkaji hukum Islam. Ia memudahkan mereka memahami dan menyelaraskan kes-kes yang pelbagai di bawah satu kaedah yang boleh merangkumi kesemua kes yang bersamaan konsep dan latar belakangnya.

Perbezaan ketiga ialah Usul Fiqh dan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah didefinisikan sebagai objektif, matlamat dan hikmah yang ingin dicapai oleh syariat Islam dalam menetapkan hukum-hakamnya. Seperti yang diterangkan sebelum ini, skop perbincangan Ilmu Usul Fiqh lebih kepada kaedah-kaedah dan metodologi pengeluaran hukum secara terperinci seperti dalil-dalil syarak, kaedah istinbat hukum, qiyas, istihsan dan sebagainya. Maqasid Syariah pula membincangkan matlamat, objektif dan hikmah di sebalik penetapan hukum-hukum syarak seperti menjaga nyawa, akal, harta, keturunan dan agama.

Sebagai contoh, dalam Ilmu Usul Fiqh menutup aurat adalah wajib sepertimana yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Maqasid Syariah pula membahaskan hikmah dan matlamat di sebalik penetapan hukum menutup aurat ini seperti memelihara maruah dan kehormatan diri serta mengelakkan fitnah dan kerosakan akhlak dalam masyarakat (penjagaan keturunan).

Jadi, Ilmu Usul Fiqh memberikan kaedah untuk mengeluarkan hukum menutup aurat daripada sumber-sumbernya, manakala Maqasid Syariah pula menerangkan hikmah dan matlamat di sebalik penetapan hukum tersebut bagi merealisasikan kemaslahatan dan menolak kemudaratan.

Kedua-dua ilmu ini saling melengkapi dalam memahami hukum-hukum syarak secara menyeluruh, iaitu dari segi metodologi pengeluaran hukum dan juga hikmah di sebaliknya.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, Usul al-Fiqh memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan keutuhan dan ketepatan hukum-hakam syariah. Ia bukan sekadar himpunan kaedah teoritikal tetapi merupakan panduan praktikal yang mengawal proses ijtihad agar sentiasa selari dengan kehendak wahyu. Melalui disiplin ini, para ulama dapat menilai dalil secara sistematik serta memilih pendekatan yang paling tepat dalam menangani pelbagai persoalan hukum sama ada yang klasik mahupun kontemporari.

Dalam menghadapi cabaran semasa, penguasaan terhadap ilmu Usul al-Fiqh menjadi satu keperluan yang tidak boleh diabaikan. Ia memastikan bahawa perkembangan fiqh sentiasa berpaksikan prinsip syariah yang kukuh, di samping mengekalkan keseimbangan antara ketetapan nas dan keperluan semasa. Oleh itu, pemahaman yang mendalam terhadap ilmu ini akan terus menjadi asas penting dalam memelihara kesucian dan kerelevanan syariah dalam kehidupan umat Islam.

## SESI KEDUA

# DALIL SYARAK: AL-QURAN

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir sesi ini, peserta akan dapat mengenal pasti pembahagian dalil syarak kepada dalil yang disepakati dan tidak disepakati, seterusnya menjelaskan definisi serta ciri-ciri utama al-Quran sebagai sumber utama pensyariatan Islam termasuk aspek kehujahan dan kemukjizatnya. Peserta juga akan dapat menerangkan definisi sunnah serta jenis-jenisnya, di samping memahami kedudukan sunnah dari sudut dalalah, kehujahan serta peranannya sebagai sumber kedua dalam penetapan hukum syarak yang melengkapkan dan menjelaskan kandungan al-Quran.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi dan Ciri-cirinya
- Kehujahan dan Kemukjizatan
- Status Thubut dan Dalalah Kandungan Al-Quran
- Cara Al-Quran dalam Menjelaskan Hukum

## SESI KEDUA: DALIL SYARAK (AL-QURAN)

### PENDAHULUAN

Dalil dari segi bahasa ialah sesuatu yang membimbing dan menunjukkan kepada sesuatu perkara, sama ada yang bersifat zahir (hissi) atau maknawi sama ada kepada kebaikan atau keburukan.

Dari segi istilah usuliyin, dalil ialah sesuatu yang boleh membawa kepada suatu pengetahuan berbentuk khabar melalui penelitian yang sahih. Contohnya, kewujudan alam dapat dibuktikan dengan meneliti keadaan alam yang berubah-ubah dan kewajipan solat dapat difahami melalui dalil-dalil syarak seperti firman Allah SWT:

وَأَقِمْوَا الصَّلَاةَ

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang”

(Surah al-Baqarah: 43)

Melalui penelitian terhadap bentuk ayat ini yang merupakan perintah, dapat difahami bahawa ia menunjukkan kewajipan kerana perintah mendirikan solat membawa makna wajib. Oleh itu, kedua-dua contoh tersebut, iaitu “alam” dan “أَقِمْوَا الصَّلَاةَ”, dianggap sebagai dalil menurut para ulama.

Dalil syarak pula ialah segala sesuatu yang daripadanya dapat diambil hukum syarak yang praktikal sama ada secara qat'i (pasti dan yakin) atau secara zanni (sangkaan yang kuat). Oleh itu, dalil terbahagi kepada dua: qat'i al-dalalah dan zanni al-dalalah.

Dalil-dalil juga terbahagi kepada dua kategori:

1. **Dalil yang disepakati** oleh jumhur ulama, iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas.
2. **Dalil yang diperselisihkan** dan yang paling masyhur ialah tujuh, iaitu: Istihsan, maslahah mursalah (istislah), istishab, 'urf, mazhab sahabi, syariat umat terdahulu dan sadd al-dhara'i'.

Dalil-dalil yang disepakati adalah wajib diikuti, namun mempunyai susunan keutamaan dalam berhujah, iaitu al-Quran, kemudian al-Sunnah, diikuti oleh ijmak dan seterusnya qiyas. Dalil kewajipan mengikut susunan ini ialah firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ  
وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”*

(Surah an-Nisa': 59)

Perintah mentaati Allah dan Rasul menunjukkan kewajipan mengikut al-Quran dan al-Sunnah, manakala perintah mentaati ulil amri menunjukkan keperluan mengikut ijmak. Adapun perintah merujuk kepada Allah dan Rasul ketika berlaku perselisihan menunjukkan keperluan menggunakan qiyas apabila tiada nas atau ijmak.

Susunan ini juga disokong oleh hadis riwayat mengenai Mu'az ibn Jabal bahawa ketika diutus ke Yaman, beliau menyatakan akan berhukum dengan Kitab Allah, kemudian sunnah Rasul dan jika tiada, beliau akan berijtihad dengan pandangannya. Rasulullah ﷺ memuji pendekatan tersebut.

Demikian juga diriwayatkan bahawa Abu Bakar akan merujuk kepada al-Quran, kemudian al-Sunnah dan jika tiada, beliau akan bermusyawarah dengan para sahabat. Kaedah ini turut diikuti oleh Umar ibn al-Khattab dan dipersetujui oleh para sahabat yang lain sehingga menjadi ijmak.

Dari sudut lain, dalil juga terbahagi kepada dalil naqli dan dalil 'aqli. Dalil naqli merangkumi al-Quran, al-Sunnah, ijmak, 'urf, syariat umat terdahulu dan mazhab sahabi. Manakala dalil 'aqli merangkumi qiyas, maslahah mursalah, istihsan, istishab dan sadd al-dhara'i'. Kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain kerana ijtihad tidak sah tanpa bersandarkan dalil naqli dan pada masa yang sama, pemahaman terhadap dalil naqli memerlukan penelitian, pemikiran dan penghayatan yang mendalam.

## DEFINISI DAN CIRI-CIRI AL-QURAN

### Definisi al-Quran:

Dari sudut bahasa, al-Quran berasal daripada kata dasar yang bermaksud “bacaan”. Dari sudut istilah dalam kalangan ulama usul fiqh, al-Quran ditakrifkan (bagi membezakannya daripada yang lain walaupun ia sudah masyhur dan diketahui umum serta mempunyai pelbagai nama seperti al-Kitab, al-Mushaf, al-Tanzil, al-Furqan dan al-Dhikr) sebagai:

“Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah ﷺ dalam bahasa Arab sebagai mukjizat walaupun dengan satu surah yang paling pendek daripadanya, yang ditulis dalam mashaf, diriwayatkan secara mutawatir menjadi ibadah apabila dibaca, bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas.”

### Ciri-ciri al-Quran:

Berdasarkan definisi tersebut, al-Quran mempunyai beberapa ciri utama seperti berikut:

#### 1. Kalam Allah SWT dari segi lafaz dan makna:

Ini dibuktikan melalui kemukjizatannya, iaitu keunggulan bahasanya yang berada di luar kemampuan manusia untuk menandinginya. Oleh itu, segala hukum yang terkandung di dalamnya wajib dipatuhi kerana ia datang daripada Allah SWT yang wajib ditaati.

Dengan ini, terkeluarlah segala bentuk percakapan selain Allah daripada definisi al-Quran. Maka, sesuatu itu tidak dinamakan al-Quran walaupun ia merupakan hadis qudsi atau hadis biasa. Hal ini demikian kerana makna hadis datangnya daripada Allah tetapi lafaz dan susunannya daripada Rasulullah ﷺ. Apabila sesuatu hadis disandarkan kepada Allah, ia dinamakan hadis qudsi. Namun, kedudukan hadis tidak setaraf dengan al-Quran dari segi kehujahan, tidak sah digunakan dalam solat dan tidak dianggap ibadah semata-mata dengan membacanya.

## 2. Keseluruhan al-Quran dalam bahasa Arab:

Tiada satu pun daripadanya berasal daripada bahasa selain Arab. Oleh itu, tafsiran atau terjemahan al-Quran ke dalam mana-mana bahasa lain tidak dianggap sebagai al-Quran, walaupun maknanya tepat. Hal ini demikian kerana al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan dalam bentuk lafaz dan makna bahasa Arab yang khusus daripada Allah SWT.

Ciri-ciri lain adalah

### 1. Al-Quran diriwayatkan secara mutawatir:

Al-Quran dipindahkan kepada generasi demi generasi melalui riwayat mutawatir, iaitu disampaikan oleh sekumpulan besar perawi daripada sekumpulan yang lain sehingga sampai kepada Rasulullah ﷺ. Riwayat mutawatir memberikan keyakinan yang pasti (qat'i) terhadap kesahihan sesuatu riwayat. Selain itu, pemeliharaan al-Quran turut diperkuatkan dengan penulisan yang sahih sejak detik penurunannya oleh malaikat Jibril ke atas hati Nabi ﷺ sehingga sampai kepada generasi-generasi berikutnya.

Berdasarkan ciri ini, apa-apa yang tidak sampai kepada tahap mutawatir (seperti qiraat syaz (bacaan ganjil) dan hadis qudsi) tidak dianggap sebagai al-Quran.

Qiraat syaz ialah bacaan yang diriwayatkan melalui khabar ahad (bukan mutawatir) seperti bacaan Ubay bin Ka'b dalam ayat berkaitan qadha puasa:

“فعدة من أيام أخر متتابعات” (Maksudnya: beberapa hari yang lain secara berturut-turut),

dan bacaan Ibn Mas'ud dalam ayat kaffarah sumpah:

“فصيام ثلاثة أيام متتابعات” (berpuasa tiga hari berturut-turut).

Tambahan lafaz “متتابعات” (berturut-turut) dalam kedua-dua contoh ini tidak diriwayatkan secara mutawatir, maka ia tidak dianggap sebagai sebahagian daripada al-Quran. Begitu juga bacaan sebahagian yang menambah dalam ayat nafkah:



“وعلى الوارث - ذي الرحم المحرم - مثل ذلك”

Tambahan “ذي الرحم المحرم” juga tidak mutawatir, lalu tidak dikira sebagai al-Quran.

Majoriti ulama berpendapat bahawa qiraat syaz tidak boleh dijadikan hujah kerana ia bukan al-Quran dan juga bukan sunnah memandangkan ia tidak diriwayatkan sebagai kedua-duanya. Namun, sebahagian ulama berpendapat ia boleh dijadikan hujah secara zanni (tidak pasti) seperti sunnah kerana ia tetap berasal daripada sesuatu yang didengar daripada Nabi ﷺ dan setiap yang didengar daripada Baginda mempunyai nilai hujah.

## 2. Kedudukan Basmalah:

Adapun basmalah (بسم الله الرحمن الرحيم), maka para ulama sepakat bahawa ia merupakan satu ayat dalam surah al-Naml. Manakala basmalah yang terdapat pada permulaan setiap surah, sebahagian ulama seperti mazhab Hanafi dan Shafi'i berpendapat bahawa ia juga merupakan ayat daripada al-Quran. Hal ini demikian kerana ia diturunkan bersama permulaan setiap surah, ditulis dalam mashaf dengan tulisan al-Quran atas perintah Rasulullah ﷺ dan perkara ini diriwayatkan secara mutawatir tanpa sebarang bantahan daripada para sahabat, yang sangat berhati-hati dalam memastikan kesucian al-Quran daripada sebarang tambahan yang bukan daripadanya.

Pendapat ini dilihat sebagai pandangan yang lebih kuat dan munasabah.

Sebahagian ulama lain seperti mazhab Maliki berpendapat bahawa basmalah bukanlah satu ayat daripada al-Quran, sama ada dalam surah al-Fatihah mahupun surah-surah yang lain.

Pandangan ini berdasarkan riwayat daripada Aisyah رضي الله عنها yang berkata:

“Rasulullah ﷺ memulakan solat dengan takbir dan membaca ‘Alhamdulillah Rabbil ‘Alamin’,” iaitu tanpa membaca basmalah terlebih dahulu.

## KEHUJAHAN DAN KEMUKJIZATAN

Al-Quran al-Karim merupakan hujah yang wajib diamalkan oleh seluruh manusia. Hal ini demikian kerana al-Quran ialah kalam Allah SWT yang disampaikan kepada manusia melalui jalan yang pasti (qat'i) tanpa sebarang keraguan terhadap kesahihannya. Tiada syubhah padanya dan bukti yang paling kuat terhadap kebenarannya ialah sifat *i'jaz* (kemukjizatan) al-Quran itu sendiri.

**I'jaz (kemukjizatan)** bermaksud melemahkan pihak lain daripada menandingi al-Quran atau menghasilkan sesuatu yang seumpamanya, walaupun hanya satu surah yang paling pendek. Sifat i'jaz ini hanya berlaku apabila tiga perkara dipenuhi:

1. **Cabaran (tahaddi)** – iaitu seruan untuk menandingi dan menyaingi al-Quran.
2. **Dorongan (muqtadi)** – adanya sebab yang mendorong pihak yang mencabar untuk menyahut cabaran tersebut.
3. **Ketiadaan halangan (intiqa' al-mani')** – tiada perkara yang menghalang mereka daripada menyahut cabaran itu.

Ketiga-tiga unsur ini wujud dalam al-Quran. Nabi ﷺ atas perintah Allah telah mencabar manusia untuk mendatangkan sesuatu yang setanding dengan al-Quran. Pada masa yang sama, orang Arab yang mendustakan Baginda mempunyai dorongan kuat untuk membuktikan dakwaan mereka. Tambahan pula, tiada halangan yang menghalang mereka daripada menyahut cabaran tersebut, sedangkan mereka terkenal sebagai pakar dalam bahasa dan sastera.

Cabaran ini dinyatakan dalam banyak ayat al-Quran, antaranya: *“Katakanlah: Datangkanlah sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi petunjuk daripada kedua-duanya, nescaya aku akan mengikutinya, jika kamu orang yang benar”* (Al-Qasas: 49).

*“Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berhimpun untuk mendatangkan yang seumpama al-Quran ini, mereka tidak akan dapat mendatangkan yang seumpamanya walaupun mereka saling membantu”* (Al-Isra': 88).

Apabila mereka gagal menandingi keseluruhan al-Quran, cabaran dikurangkan kepada sepuluh surah:

*“Katakanlah: Datangkanlah sepuluh surah yang seumpamanya yang direka-reka...”*  
(Hud: 13).

Dan apabila masih gagal, cabaran dipermudahkan lagi kepada hanya satu surah:  
*“Dan jika kamu ragu-ragu terhadap apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami, maka datangkanlah satu surah yang seumpamanya...”* (Al-Baqarah: 23).

Kegagalan manusia menahut cabaran ini menjadi bukti jelas akan kemukjizatan al-Quran dan seterusnya mengukuhkan kejujupannya sebagai sumber utama hukum dalam Islam.

## **STATUS THUBUT DAN DALALAH KANDUNGAN AL-QURAN**

Status thubut al-Quran ialah qat’iyyah memandangkan ia disampaikan oleh generasi demi generasi secara mutawatir sehinggakan tidak wujud sebarang kemungkinan ia boleh dipalsukan. Manakala dari sudut dalalah, kandungan atau ayat-ayat al-Quran boleh dibahagikan kepada qat’iyyah dan zanniyah.

Dalalah al-Quran yang bersifat qat’iyyah, dapat dilihat contohnya menerusi ayat-ayat yang menerangkan tentang jumlah atau kadar hukuman hudud yang dikenakan, kadar pembahagian harta pusaka dan kadar hukuman kaffarah.

Dalalah al-Quran yang bersifat zanniyah pula dapat dilihat menerusi ayat-ayat yang mengandungi lafaz-lafaz musytarak seperti penggunaan lafaz quru’ dalam ayat yang menerangkan tempoh ‘iddah wajib bagi wanita yang diceraikan dan masih kedatangan haid. Dalam ayat tersebut, Allah SWT mewajibkan wanita yang diceraikan wajib ber’iddah selama tiga kali quru’, sedangkan lafaz quru’ boleh ditafsirkan dengan dua tafsiran, iaitu sama ada suci atau haid.

## CARA AL-QURAN MENJELASKAN HUKUM

Tahukah anda bagaimana caranya al-Quran sebagai sumber hukum utama menjelaskan hukum syarak?

Allah SWT telah menggunakan pelbagai cara untuk menjelaskan hukum dalam al-Quran. Menerusi kepelbagaian cara ini, para ulama dapat memahami dan mengistinbatkan hukum yang berbeza berdasarkan metodologi masing-masing. Umumnya, terdapat tiga cara utama yang diguna pakai oleh al-Quran dalam menjelaskan hukum seperti berikut:

### a) Perintah (Wajib, Sunat)

Al-Quran menyatakan hukum wajib atau sunatnya sesuatu amalan menerusi penggunaan ungkapan atau bentuk petikan ayat bersifat perintah mutlak atau perintah yang disertai dengan janji balasan yang baik seperti janji memperoleh pahala atau balasan syurga.

Sebagai contoh, al-Quran mewajibkan sesuatu amalan menerusi penggunaan ungkapan amr yang pelbagai seperti:

Penggunaan kata perbuatan perintah (fi'l amr) dalam firman Allah SWT: “Dan dirikanlah solat”, penggunaan kata perbuatan semasa (fi'l mudari') yang disertai dengan huruf (lam al-amr) dalam firman-Nya: “Maka sesiapa yang telah melihat anak bulan (Ramadan) maka hendaklah dia berpuasa”, penggunaan perkataan yang menunjukkan wajib dalam firman-Nya: “Dituliskan (diwajibkan) ke atas kamu (perlaksanaan hukuman) qisas” dan penggunaan ungkapan yang menjanjikan balasan baik kepada pelakunya seperti dalam firman-Nya: “Dan sesiapa yang mentaati Allah SWT dan Rasul-Nya, nescaya Dia akan memasukkannya ke dalam syurga”.

### b) Larangan (Haram, Makruh)

Al-Quran menyatakan haram atau makruhnya sesuatu amalan menerusi penggunaan sighth nahi, iaitu petikan ayat yang bersifat larangan mutlak agar amalan tersebut ditinggalkan atau dijaui.

Sebagai contoh, al-Quran mengharamkan sesuatu amalan menerusi penggunaan sighah nahi yang pelbagai antaranya seperti penggunaan lafaz haram sebagaimana firman Allah SWT: “Diharamkan ke atas kamu (mengahwini) ibu-ibu (kandung) kamu”, penggunaan lafaz yang menafikan halalnya sesuatu seperti firman-Nya: “Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu untuk mewarisi wanita-wanita dengan cara paksaan”, penggunaan sighah nahi yang disertai dengan perintah seperti firman-Nya: “Maka, jauhilah najis (syirik) daripada (penyembahan) berhala dan jauhilah perkataan yang dusta”, penggunaan lafaz larangan yang disertai dengan janji balasan buruk sama ada dalam bentuk seksaan neraka atau hukuman dunia seperti dalam firman-Nya: “Dan mereka-mereka yang menuduh wanita-wanita suci (sebagai penzina) sedangkan mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka dengan 80 kali sebatan” dan juga firman-Nya: “Sesungguhnya mereka yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, (maka) sebenarnya mereka menelan api ke dalam perut mereka dan mereka akan dibakar di dalam neraka”.

#### c) Keharusan (Harus)

Al-Quran menjelaskan hukum harus bagi sesuatu amalan menerusi penggunaan lafaz-lafaz yang memberi maksud halal seperti firman-Nya: “Pada masa ini, dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang baik- baik”, penggunaan lafaz yang menafikan dosa seperti firman-Nya: “Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa”, penggunaan lafaz yang menafikan kesalahan seperti firman-Nya: “Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam ‘iddah) atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka)”, penggunaan lafaz yang menafikan kesulitan seperti firman-Nya: “Tidak ada sulitnya (salahnya) bagi orang buta dan tidak ada salahnya bagi orang tempang dan tidak ada salahnya bagi orang sakit (jika masing- masing tidak menjalankan sesuatu perintah disebabkan keuzurannya menghendaki ia berlaku demikian)”, penggunaan sighah amr yang disertai dengan qarinah atau petunjuk yang memesong maksudnya daripada wajib kepada harus seperti firman-Nya: “Dan apabila kamu telah bertahallul (daripada haji), maka berburulah” dan

penggunaan lafaz berbentuk penegasan tentang konsep Istishab yang menegaskan prinsip asal bagi setiap sesuatu (bahan atau amalan) adalah harus melainkan yang telah diharamkan oleh dalil. Ini dapat dilihat menerusi firman-Nya: “Dialah yang telah menjadikan bagi kamu segala apa yang berada di bumi (untuk dimanfaatkan dalam kehidupan)”.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, al-Quran merupakan sumber utama perundangan Islam yang menjadi asas kepada pembentukan dan penetapan hukum syarak. Melalui pemahaman terhadap definisi, ciri-ciri, kehujahan dan kemukjizatannya dapat difahami kedudukan al-Quran sebagai wahyu yang terpelihara dan menjadi rujukan utama bagi umat Islam dalam setiap aspek kehidupan.

Selain itu, penguasaan terhadap konsep thubut dan dalalah kandungan al-Quran serta cara al-Quran menjelaskan hukum membantu pelajar memahami metodologi istinbat hukum yang digunakan oleh para ulama. Modul ini diharapkan dapat memperkukuhkan kefahaman tentang peranan al-Quran sebagai dalil syarak yang utama serta meningkatkan keupayaan untuk menghayati dan mengaplikasikan panduan yang terkandung di dalamnya selaras dengan tuntutan syariat Islam.

## SESI KETIGA

# DALIL SYARAK: SUNNAH NABAWIYYAH

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir sesi ini, peserta juga akan dapat menerangkan definisi sunnah serta jenis-jenisnya, di samping memahami kedudukan sunnah dari sudut dalalah, kehujahan serta peranannya sebagai sumber kedua dalam penentuan hukum syarak yang melengkapkan dan menjelaskan kandungan al-Quran.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi dan Kategorinya
- Kehujahan Sunnah
- Status Thubut dan Dalalah Sunnah
- Cara al-Sunnah dalam Menjelaskan Hukum

## **SESI KETIGA: DALIL SYARAK (SUNNAH NABAWIYYAH)**

### **PENDAHULUAN**

Sunnah Nabawiyyah merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran dan memainkan peranan penting dalam menjelaskan, menghuraikan serta melengkapkan hukum-hukum syarak. Segala perkataan, perbuatan dan pengakuan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW menjadi panduan kepada umat Islam dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Oleh itu, pemahaman terhadap konsep sunnah, kategori-kategorinya, keujahannya serta peranannya dalam penetapan hukum adalah amat penting dalam pengajian Ilmu Usul Fiqh.

Modul ini akan membincangkan kedudukan sunnah sebagai dalil syarak, status thubut dan dalalahnya serta kaedah al-Sunnah dalam menjelaskan hukum-hukum yang terkandung dalam syariat Islam.

### **DEFINISI SUNNAH NABAWIYYAH SERTA KATEGORINYA**

#### **Definisi Sunnah**

Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan atau cara hidup yang menjadi kebiasaan.

Manakala menurut ulama usul fiqh, sunnah ialah segala sesuatu yang datang daripada Rasulullah ﷺ sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan atau pengakuan (taqrir).

Ini menunjukkan bahawa sunnah terbahagi kepada tiga kategori:

#### **Kategori Sunnah**

Para ulama telah membahagikan sunnah kepada beberapa kategori berdasarkan aspek yang berbeza. Dari aspek hakikat (mahiyyah) sunnah, para ulama membahagikannya kepada tiga kategori seperti berikut:



### **a) Sunnah Qawliyyah**

Merujuk kepada ucapan Rasulullah SAW yang diriwayatkan dalam pelbagai situasi seperti sabda Baginda mengenai persoalan niat: “Sesungguhnya (segala) amalan bergantung kepada niat”.

### **b) Sunnah Fi’liyyah**

Manakala Sunnah Fi’liyyah pula merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh Baginda seperti perlakuannya dalam solat, haji, puasa dan sebagainya.

### **c) Sunnah Taqririyyah**

Sunnah Taqririyyah pula merujuk kepada perakuan atau persetujuan Rasulullah SAW terhadap perbuatan sesetengah sahabatnya. Perakuan ini kadangkala ditunjukkan oleh Baginda menerusi kata-kata yang jelas bersetuju atau menerusi tindakan berdiam diri terhadap perkara yang berlaku di depan matanya.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW pernah memperakukan hukum halal memakan biawak dhab dalam peristiwa Baginda dihidangkan dengan juadah biawak dhab tetapi Baginda tidak memakannya sementara para sahabat memakannya.

Di samping itu, sunnah juga boleh dibahagikan kepada dua kategori berbeza dari aspek jumlah perawi yang meriwayatkannya. Dua kategori tersebut seperti yang ditegaskan oleh jumhur ulama adalah seperti berikut:

### **a) Sunnah Mutawatirah**

Sunnah Mutawatirah ditafsirkan sebagai sunnah yang diriwayatkan oleh jumlah perawi yang ramai pada ketiga-tiga tabaqah atau generasi perawi (tabaqah sahabat, tabaqah tabi’in dan tabaqah tabi’ al-tabi’in) sehingga keadaan ini dianggap menghalang mereka untuk berpakat memalsukan sunnah berkenaan.

Jika dilihat dalam perbincangan ulama hadis, kebanyakan mereka tidak menetapkan jumlah perawi hadis yang boleh dianggap sebagai mutawatir. Sebaliknya bagi mereka, syarat yang perlu dipenuhi ialah jumlah perawi tersebut mestilah ramai pada setiap tabaqah sehingga ia tidak memungkinkan wujud sebarang persepakatan untuk melakukan pemalsuan terhadap hadis seperti yang ditegaskan di atas.

Status thubut Sunnah Mutawatirah dianggap sebagai qat'iyyah yang setiap individu Muslim wajib menerimanya, lebih-lebih lagi jika ia melibatkan persoalan akidah. Sebaliknya, jika diingkari, maka dia boleh dianggap sebagai murtad dan wajib segera bertaubat. Antara contoh Sunnah Mutawatirah ialah sabda Baginda: "Sesiapa yang telah berdusta ke atasku dengan sengaja, maka dia hendaklah menyiapkan tempatnya di dalam neraka".

#### **b) Sunnah Ahad**

Manakala Sunnah Ahad pula bermaksud sunnah Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi yang tidak seramai jumlah perawi Sunnah Mutawatirah. Sebagai contoh, jumlah perawi bagi Sunnah Ahad mungkin terdiri daripada seorang atau dua perawi pada mana-mana tabaqah. Ini bermakna sesuatu sunnah akan masih dianggap sebagai Sunnah Ahad jika jumlah perawi pada salah satu tabaqahnya masih sedikit sekalipun jumlah perawi pada dua tabaqah yang lain telah mencapai jumlah mutawatir.

Justeru, status thubut bagi Sunnah Ahad dianggap sebagai zanniyah yang hukum beramal dengannya dalam persoalan fiqh adalah wajib melainkan jika ia berkaitan dengan persoalan akidah. Sunnah Ahad merupakan kategori sunnah yang paling banyak, antaranya seperti sabda Rasulullah SAW mengenai air laut: "Ia (yakni) airnya suci lagi menyucikan (dan) bangkainya adalah halal (dimakan)".

Para ulama turut menyenaraikan beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu Sunnah Ahad dianggap sahih dan kandungannya boleh diamalkan. Antara syarat tersebut seperti yang dikemukakan oleh jumhur ialah para perawinya mestilah terdiri daripada mereka yang dipercayai (thiqah), bermaruah dan berintegriti ('adil), memiliki ketelitian dan ketepatan yang tinggi dalam memelihara dan meriwayatkan hadis (dabit), rangkaian perawi

(sanad) bagi ketiga-tiga tabaqah mestilah berkesinambungan (ittisal al-sanad) dan kandungan (matan) yang diriwayatkan mestilah tidak shaz dan tidak pula mengandungi 'illah.

Selain syarat-syarat ini, terdapat sesetengah ulama yang menambah syarat lain, iaitu seperti golongan Malikiyyah yang menegaskan bahawa kandungan Sunnah Ahad yang boleh diamalkan mestilah tidak bercanggah dengan amalan penduduk Madinah. Golongan Hanafiyyah juga turut menambah beberapa syarat lain, antaranya:

- a) Sunnah Ahad berkenaan mestilah tidak menerangkan persoalan hukum yang diketahui ramai yang ia pastinya akan diterangkan menerusi Sunnah Mutawatirah.
- b) Kandungannya mestilah tidak bercanggah dengan hukum yang diputuskan menerusi qiyas yang jelas atau prinsip-prinsip utama dalam syarak.
- c) Perawi yang meriwayatkannya mestilah tidak beramal dengan hukum yang berbeza daripada kandungan Sunnah Ahad yang telah diriwayatkan olehnya.

## **KEHUJAHAN SUNNAH**

Para ulama telah bersepakat bahawa sunnah Nabawiyyah wajib diikuti seperti al-Quran dalam proses istinbat hukum-hakam syariah dan bahawa sunnah merupakan sumber kedua bagi pensyariaan. Dalil-dalil bagi perkara ini banyak sama ada daripada al-Quran, ijmak mahupun pertimbangan akal.

Pertama, al-Quran: Allah SWT telah mewajibkan ke atas orang-orang beriman supaya mentaati Nabi ﷺ dan mengikutinya serta menjadikan ketaatan kepada Rasul sebagai ketaatan kepada-Nya. Allah juga memerintahkan agar segala perselisihan dirujuk kepada Allah dan Rasul serta tidak memberikan pilihan kepada mana-mana lelaki atau perempuan Mukmin dalam perkara yang telah diputuskan oleh Allah dan Rasul-Nya. Bahkan, iman dinafikan daripada mereka yang tidak menerima keputusan Rasulullah ﷺ, sebagaimana yang dinyatakan dalam banyak ayat al-Quran.

Kedua, ijmak para sahabat: Para sahabat telah bersepakat bahawa wajib beramal dengan sunnah Nabi ﷺ selepas al-Quran sebagai pelaksanaan kepada perintah-perintah dalam al-Quran. Hal ini juga disokong oleh pengiktirafan Nabi ﷺ terhadap cara Mu'az membuat keputusan, apabila Baginda bertanya:

*“Jika kamu tidak menemui dalam Kitab Allah?”*

Mu'az menjawab: *“Aku akan berhukum dengan sunnah Rasulullah.”*

Pendekatan ini kemudiannya menjadi manhaj atau metod para sahabat dalam berfatwa dan mengadili: Mereka akan merujuk kepada sunnah apabila tidak menemui hukum sesuatu perkara dalam al-Quran. Kaedah ini diteruskan oleh para tabi'in dan generasi selepas mereka hingga ke hari ini.

Ketiga, dalil Aqli (Rasional): Tidak mungkin untuk melaksanakan hukum-hukum yang disebut secara umum dalam al-Quran tanpa penjelasan daripada sunnah. Penyampaian wahyu oleh Nabi ﷺ merangkumi dua perkara:

i. Membacakan al-Quran.

ii. Menjelaskan kandungannya.

Oleh itu, syariat Islam terbina daripada al-Quran dan sunnah secara bersama dan tidak boleh mencukupi dengan salah satu sahaja.

Sebagai contoh, terdapat ayat-ayat al-Quran yang memerlukan penjelasan seperti:

i. Perintah mendirikan solat dan menunaikan zakat.

ii. Kewajipan berpuasa.

iii. Kewajipan menunaikan haji bagi yang mampu.

iv. Penghalalan jual beli dan pengharaman riba.

v. Penghalalan selain wanita yang diharamkan.

vi. Hukuman potong tangan bagi pencuri.

Semua ini memerlukan penjelasan lanjut. Nabi ﷺ telah menerangkan:

i. Cara mendirikan solat.

ii. Kaedah menunaikan zakat.

iii. Pelaksanaan puasa Ramadan.

iv. Tatacara ibadah haji.

v. Syarat-syarat jual beli yang sah.

vi. Jenis-jenis riba yang diharamkan.

vii. Batasan wanita yang halal dinikahi.

viii. Bahagian tangan yang dipotong bagi pencuri.

dan lain-lain lagi.

Penjelasan ini wajib diikuti, sebagaimana perintah Allah:

*“Dan Kami turunkan kepadamu al-Zikr (al-Quran) supaya engkau menjelaskan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka.”*

Sekiranya sunnah tidak menjelaskan hukum-hukum tersebut, nescaya sukar untuk melaksanakannya. Oleh itu, sunnah yang sahih wajib diikuti dalam semua kandungannya.

Hal ini demikian kerana pada hakikatnya, sunnah juga bersumberkan wahyu daripada Allah. Perkara ini ditegaskan dalam firman-Nya:

*“Dan dia (Nabi) tidak berkata menurut hawa nafsunya.”*

Tidaklah ia melainkan wahyu yang diwahyukan.”

## STATUS THUBUT DAN DALALAH SUNNAH

Berdasarkan huraian sebelum ini, anda pastinya sudah mampu menjangka status thubut dan dalalah bagi sunnah Rasulullah SAW berdasarkan perbezaan status qat'iyyah atau zanniyah bagi kedua-duanya. Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa status thubut bagi sunnah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu status qat'iyyah bagi Sunnah Mutawatirah dan status zanniyah bagi Sunnah Ahad.

Status dalalah bagi sunnah pula terbahagi kepada dua kategori, iaitu qat'iyyah dan zanniyah. Dalalah Sunnah yang bersifat qat'iyyah merujuk kepada kandungan sunnah yang hanya boleh ditafsirkan dengan satu maksud dan tanpa boleh ditakwilkan.

Sebagai contoh, bayaran zakat sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "Setiap lima ekor unta (diwajibkan bayaran zakat terhadapnya dalam bentuk) seekor biri- biri". Manakala mengenai status dalalah sunnah yang bersifat zanniyah pula merujuk kepada kandungan sunnah yang belum jelas bahkan pentafsirannya boleh diandaikan dengan pelbagai tafsiran. Antara contohnya seperti sabda Rasulullah SAW: "Tiada solat melainkan dengan (membaca) al-Fatihah (daripada) al-Quran". Lafaz "tiada" dalam sunnah ini boleh ditakwilkan dengan dua maksud yang berbeza: Pertamanya, tidak sah dan kedua, tidak sempurna.

Justeru, bagi golongan Syafi'iyyah yang menerima tafsiran pertama, mereka menganggap solat akan terbatal jika pelakunya tidak membaca al-Fatihah. Sebaliknya bagi golongan Hanafiyyah yang menerima tafsiran kedua, mereka menganggap solat sedemikian masih sah tetapi pelakunya tetap berdosa kerana tidak membaca al-Fatihah lalu menjadikan solatnya kurang sempurna.

## **CARA SUNNAH MENJELASKAN HUKUM**

Terdapat kaedah tertentu bagi sunnah dalam menjelaskan hukum. Para ulama telah membahagikannya kepada enam cara yang berbeza terutamanya apabila ia dikaitkan dengan peranan sunnah dalam menerangkan hukum dalam al-Quran. Enam cara tersebut adalah seperti berikut:

### **a) Memperkuat Hukum yang ada dalam al-Quran**

Cara pertama, sunnah memperaku dan menguatkan lagi kewujudan sesetengah hukum dalam al-Quran. Sebagai contoh, sunnah menguatkan hukum pengharaman dalam al-Quran mengenai pengambilan harta orang lain secara batil dalam firman-Nya: “Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu memakan harta sesama kamu dengan (cara) kebatilan.” Sunnah yang menguatkan pengharaman tersebut ialah sabda Rasulullah SAW: “Tidak halal (pengambilan) harta seseorang individu Muslim melainkan dengan kerelaan dirinya.”

### **b) Menjelaskan Hukum yang Umum**

Cara kedua, sunnah menerangkan kandungan ayat-ayat al-Quran yang berbentuk umum dan ringkas seperti dalam persoalan mengenai cara-cara mendirikan solat, menunaikan zakat dan haji, jenis dan cara transaksi jual beli yang sahih, batil dan sebagainya. Sunnah yang memainkan peranan ini dapat dilihat contohnya menerusi sabda Rasulullah SAW: “(Dirikanlah) solat sepertimana kamu melihat aku (mendirikan) solat.”

### **c) Mengkhususkan Hukum Am**

Cara ketiga pula ialah sunnah memberikan penerangan berbentuk takhsis terhadap ayat-ayat al-Quran yang berbentuk am. Sebagai contoh, Allah SWT berfirman mengenai makanan yang haram: “Katakan (wahai Muhammad): Saya tidak mendapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi individu yang ingin memakannya melainkan jika ia merupakan bangkai, darah yang mengalir atau daging babi.”

Ayat ini berbentuk am dengan penjelasan mengenai makanan haram dinyatakan dalam bentuk umum. Justeru, sunnah kemudiannya telah memberikan huraian tambahan atau takhsis terhadap persoalan di atas apabila Rasulullah SAW menyebut tambahan makanan yang haram menerusi riwayat daripadanya: “Sesungguhnya Nabi SAW telah melarang (mengharamkan) memakan setiap (haiwan) yang memiliki taring daripada kalangan haiwan buas dan (juga mengharamkan memakan haiwan) yang memiliki cengkaman cakar daripada kalangan burung.”

### **d) Mentaqyidkan Hukum yang Mutlak**

Cara keempat, sunnah memberikan penerangan berbentuk taqyid terhadap ayat-ayat al-Quran yang berbentuk mutlak. Sebagai contoh, firman Allah SWT: “Dan pencuri lelaki dan wanita (maka hukumannya) potonglah tangan kedua-dua mereka”, berbentuk mutlak lalu ia ditaqyidkan menerusi sunnah berdasarkan riwayat daripada Rasulullah SAW yang mengarahkan supaya tangan pencuri dipotong pada pergelangannya.

### **e) Menerangkan Pemansuhan Ayat-ayat al-Quran**

Menerusi cara kelima pula sunnah berperanan menerangkan pemansuhan hukum yang telah berlaku sesama ayat al-Quran atau ia sendiri (Sunnah Mutawatirah) berperanan memansuhkan (nasakh) sesetengah hukum dalam ayat al-Quran. Antara contoh peranan sunnah dalam menerangkan pemansuhan hukum yang berlaku sesama ayat al-Quran ialah dalam kes pewarisan harta pusaka, iaitu ayat 11-12 dalam surah an-Nisa’ telah memansuhkan hukum yang terkandung dalam ayat 180 dalam surah al-Baqarah. Manakala peranan Sunnah Mutawatirah yang memansuhkan hukum dalam al-Quran pula dapat dilihat dalam kes pemansuhan hukum wasiat kepada waris seperti terdapat pada



ayat 180, surah al-Baqarah. Pemansuh hukum tersebut ialah sabda Rasulullah SAW: “Tiada wasiat bagi ahli waris” (yakni mereka tidak berhak mendapatnya).

#### **f) Menyatakan Hukum yang Baru**

Akhir sekali, cara keenam dalam peranan sunnah menjelaskan hukum ialah ia menyatakan hukum baru yang tidak wujud dalam al-Quran. Penjelasan mengenai hukum baru ini dapat dilihat menerusi sabda Rasulullah SAW dalam kes pengharaman pemakaian sutera dan emas bagi lelaki, kewajipan menunaikan zakat fitrah, pengharaman daging keldai jinak, kewajipan pembayaran diyat ke atas ‘aqilah (keluarga pesalah), keharusan transaksi rahn ketika bermukim dan sebagainya.

### **PENUTUP**

Kesimpulannya, sunnah Nabawiyah merupakan sumber kedua dalam pensyariat Islam yang tidak dapat dipisahkan daripada al-Quran. Ia bukan sahaja berperanan sebagai penguat kepada hukum-hakam al-Quran, bahkan sebagai penjelas yang memperincikan perkara yang umum, mengkhususkan yang umum serta membataskan yang mutlak. Selain itu, sunnah juga berfungsi dalam menetapkan hukum baharu yang tidak dinyatakan secara langsung dalam al-Quran. Pembahagian sunnah kepada qauliyyah, fi’liyyah dan taqririyyah menunjukkan keluasan peranannya membimbing umat Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Sehubungan itu, kehujahan sunnah telah disepakati oleh para ulama berdasarkan dalil al-Quran, ijmak para sahabat serta pertimbangan akal yang sejahtera. Tanpa sunnah, pelaksanaan banyak tuntutan syariah tidak dapat difahami dengan tepat apatah lagi diamalkan secara sempurna. Oleh itu, kewajipan berpegang kepada sunnah yang sahih adalah suatu tuntutan yang asas dalam Islam kerana hakikatnya sunnah juga bersumberkan wahyu Ilahi. Justeru, penghayatan terhadap al-Quran dan sunnah secara seimbang adalah kunci kepada kefahaman dan pelaksanaan syariah yang benar dalam kehidupan umat Islam.

## SESI KEEMPAT

# DALIL IJMAK

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir sesi ini, peserta akan dapat menjelaskan konsep ijmak dari sudut bahasa dan istilah serta menghuraikan jenis-jenisnya, iaitu ijmak sarih dan ijmak sukuti, seterusnya menerangkan rukun, syarat dan sandaran ijmak serta kedudukan dan kehujahannya sebagai dalil syarak berserta dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi dan Jenis-jenisnya
- Syarat-syarat Ijmak
- Kehujahan Ijmak

## **SESI KEEMPAT: DALIL IJMAK**

### **PENDAHULUAN**

Ijmak tidak berlaku ketika Nabi SAW masih hidup kerana keputusan dan persetujuan Baginda sudah mencukupi sebagai sumber hukum yang muktamad. Sekiranya Nabi SAW telah menetapkan sesuatu hukum, maka tidak timbul keperluan kepada ijmak walaupun para sahabat mungkin mempunyai perbezaan pandangan kerana keputusan Rasulullah SAW adalah pemutus kepada segala perselisihan. Ijmak hanya berlaku selepas kewafatan Baginda dalam perkara hukum syarak seperti wajib, haram, sah atau batal dan tidak merangkumi perkara bahasa, pemikiran semata-mata, urusan dunia seperti perubatan, peperangan atau pentadbiran serta adat kebiasaan yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab syarak.

Selain itu, sesi ini turut memperkenalkan qiyas sebagai salah satu dalil penting dalam Usul Fiqh selepas al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Qiyas berperanan dalam menetapkan hukum bagi isu-isu baharu yang tidak disebut secara jelas dalam nas, dengan menghubungkan kes baharu kepada kes asal melalui persamaan 'illah (sebab hukum). Oleh itu, perbincangan sesi ini akan merangkumi konsep ijmak dari sudut definisi, jenis, rukun, syarat, sandaran dan kehujahannya serta pengenalan kepada qiyas sebagai kaedah istinbat hukum yang penting dalam perkembangan fiqh Islam.

## DEFINISI DAN JENIS-JENISNYA

### Definisi:

Ijmak ialah kata terbitan (masdar) daripada perkataan Arab *ajma'a* yang membawa dua maksud utama: Pertama, berazam atau membuat keputusan; dan kedua, mencapai kesepakatan bersama. Sebagai contoh bagi maksud pertama, ungkapan *ajma'a fulan 'ala amr* bererti “seseorang itu telah memutuskan sesuatu perkara.” Penggunaan ini terdapat dalam al-Quran dan juga dalam hadith Nabi. Manakala bagi maksud kedua, ungkapan *ajma'a al-qawm 'ala amr* bermaksud “sekumpulan orang telah mencapai persetujuan sebulat suara terhadap sesuatu perkara.” Dalam banyak keadaan, makna kedua ini merangkumi makna pertama kerana apabila wujud kesepakatan sebulat suara, maka secara tidak langsung telah berlaku suatu keputusan terhadap perkara tersebut.

Dari sudut istilah, ijmak ditakrifkan sebagai kesepakatan sebulat suara para mujtahid dalam kalangan umat Islam pada mana-mana zaman selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW terhadap sesuatu hukum atau perkara. Ia merupakan salah satu sumber utama dalam Usul al-Fiqh selepas al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam definisi ini, rujukan kepada **mujtahidun** mengecualikan persetujuan orang awam daripada termasuk dalam konsep ijmak. Hal ini demikian kerana ijmak hanya sah apabila ia melibatkan para ulama yang mempunyai kelayakan ijtihad, bukan sekadar pandangan masyarakat umum.

Begitu juga, apabila disebut “mujtahidun pada mana-mana zaman”, ia merujuk kepada suatu tempoh yang sememangnya wujud beberapa orang mujtahid ketika sesuatu peristiwa atau isu itu berlaku. Oleh itu, persetujuan yang datang kemudian (iaitu selepas berlakunya sesuatu peristiwa, apabila muncul mujtahid baharu) tidak diambil kira sebagai ijmak bagi peristiwa tersebut.

Seterusnya, frasa “terhadap apa-apa perkara” dalam definisi itu menunjukkan bahawa ijmak merangkumi pelbagai bidang, bukan terhad kepada hukum semata-mata. Ia meliputi:

- Perkara **syar’i** (hukum-hakam agama).
- Perkara **‘aqli** (yang bersifat rasional atau intelektual).
- Perkara **‘urfi** (adat kebiasaan masyarakat).
- Perkara **lughawi** (bahasa).

Kesimpulannya, ijmak dalam Usul al-Fiqh adalah satu bentuk kesepakatan yang sangat khusus, iaitu terikat dengan kelayakan mujtahid, konteks zaman dan keluasan skop perkara yang dipersetujui.

### **Jenis-jenis Ijmak:**

Ijmak boleh dibahagikan kepada dua jenis berdasarkan cara ia terbentuk, iaitu **ijmak secara jelas (sarih)** dan **ijmak secara diam (sukuti)**.

**Ijmak sarih** ialah apabila para ulama mujtahid sepakat secara terang-terangan dalam sesuatu hukum. Ini boleh berlaku apabila mereka berkumpul dan masing-masing menyatakan pandangan secara jelas, lalu semua bersetuju dengan satu keputusan. Ia juga boleh berlaku apabila setiap ulama menyatakan pendapat yang sama walaupun tidak berada dalam satu majlis. Jenis ijmak ini dianggap sebagai hujah yang kuat dan diterima tanpa khilaf oleh majoriti ulama.

**Ijmak sukuti** pula berlaku apabila sebahagian ulama menyatakan sesuatu hukum, manakala ulama lain mengetahuinya tetapi tidak membantah. Dalam hal ini, terdapat perbezaan pandangan ulama: Mazhab Maliki dan mazhab Shafi'i berpendapat ia tidak dianggap sebagai ijmak dan bukan hujah yang kuat. Manakala mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali pula menganggapnya sebagai ijmak dan boleh dijadikan hujah, walaupun tidak seteguh ijmak sarih.

Bagi golongan pertama yang menolak ijmak sukuti, mereka berpendapat bahawa diamnya para ulama lain tidak semestinya menunjukkan persetujuan. Hal ini demikian kerana seseorang ulama mungkin berdiam diri atas pelbagai sebab seperti belum sempat berijtihad dalam isu tersebut, takut untuk bersuara, ingin menjaga hubungan atau menganggap semua pandangan yang ada adalah betul. Oleh itu, terdapat banyak kemungkinan yang menghalang kita daripada menganggap diam itu sebagai tanda setuju.

Manakala golongan kedua yang menerima ijmak sukuti sebagai hujah menyatakan bahawa kebiasaannya, jika sesuatu pandangan itu tersebar dalam kalangan ulama dan tidak dibantah, ini menunjukkan adanya persetujuan secara tidak langsung. Mereka juga berhujah bahawa dalam kebiasaan, ulama besar akan menyatakan pandangan mereka, manakala yang lain berdiam diri sebagai tanda setuju.

Kesimpulannya, ijmak sukuti boleh dianggap sebagai hujah jika terdapat tanda-tanda yang menunjukkan persetujuan dan jika kemungkinan sebab-sebab lain untuk berdiam diri dapat diketepikan. Hal ini demikian kerana banyak ijmak para sahabat berlaku dalam bentuk seperti ini, iaitu sebahagian menyatakan pandangan secara jelas, manakala yang lain berdiam diri. Namun, jika tanda persetujuan tidak jelas, maka ijmak sukuti hanya dianggap sebagai dalil yang bersifat sangkaan atau tidak pasti.

## **SYARAT-SYARAT DAN KEHUJAHANNYA**

### **Rukun dan syarat ijmak:**

Ijmak hanya mempunyai satu rukun utama, iaitu kesepakatan para ulama mujtahid. Jika tidak berlaku persetujuan antara mereka, maka ijmak tidak terbentuk.

Bagi membolehkan ijmak berlaku, terdapat beberapa syarat penting:

#### **1. Melibatkan Bilangan Mujtahid yang Ramai**

Ijmak mestilah melibatkan lebih daripada seorang mujtahid. Kesepakatan tidak dianggap sah jika ia hanya datang daripada pandangan seorang atau dua orang individu semata-mata kerana istilah "kesepakatan" (konsensus) secara teknikal menuntut penglibatan sekumpulan ulama yang mencukupi.

#### **2. Kesepakatan Bulat (Konsensus Menyeluruh)**

Semua mujtahid yang ada pada zaman tersebut mestilah bersetuju tanpa kecuali. Sekiranya terdapat sebahagian mujtahid yang membantah (walaupun majoriti besar telah bersetuju), maka ia tidak boleh diangkat sebagai ijmak yang muktamad.

#### **3. Melibatkan Seluruh Dunia Islam**

Kesepakatan ini mestilah bersifat global, merangkumi semua mujtahid di seluruh dunia Islam. Ia tidak memadai sekiranya kesepakatan tersebut hanya berlaku di wilayah atau lokaliti tertentu (seperti di Hijaz atau Iraq sahaja), atau hanya melibatkan kelompok tertentu.

#### **4. Pernyataan Pendapat Secara Jelas**

Setiap mujtahid perlu menzahirkan pandangan mereka secara terang, sama ada melalui lisan (kata-kata) mahupun perbuatan. Kehadiran mereka secara fizikal dalam satu majlis tidak disyaratkan; yang paling utama ialah pendirian mereka terhadap sesuatu hukum itu diketahui dengan jelas.

#### **5. Kriteria Keadilan dan Integriti Mujtahid**

Para mujtahid mestilah seorang yang adil dan tidak terpengaruh dengan ajaran sesat (*ahli bid'ah*). Keadilan merupakan syarat utama agar keputusan agama yang dibuat boleh dipercayai. Oleh itu, pandangan individu yang membawa ajaran menyimpang atau bercanggah dengan prinsip asas agama tidak diambil kira dalam pembentukan ijmak.

#### **6. Bersandarkan Dalil Syarak**

Setiap ijmak mestilah mempunyai sandaran (*sanad*) daripada dalil syarak yang sah seperti al-Quran, as-Sunnah atau qiyas. Menetapkan hukum agama tanpa ilmu atau sandaran wahyu dilarang sama sekali dalam Islam dan para ulama tidak mungkin bersepakat di atas sesuatu perkara yang membelakangi kebenaran.

#### **Sandaran ijmak (مستند الإجماع):**

Sandaran ijmak ialah dalil yang dijadikan pegangan oleh para mujtahid dalam perkara yang mereka telah bersepakat. Sandaran ini mesti ada kerana jika ijmak berlaku tanpa sandaran, ia akan membawa kepada pengesahan hukum baru selepas Nabi Muhammad SAW dan ini adalah batil.

Selain itu, secara kebiasaannya mustahil berlaku kesepakatan para mujtahid tanpa sebab yang menyatukan pandangan mereka. Sandaran inilah yang menyatukan pandangan mereka dan menghalang mereka daripada melampaui batas syarak.



Sandaran tersebut sama ada memahami nas bagi hukum yang disebut secara jelas atau mengeluarkan hukum daripada nas melalui qiyas (analogi) atau menggunakan kaedah umum syariah dan prinsip-prinsipnya melalui ijtihad yang diterima syarak atau bergantung kepada dalil syarak seperti istihsan, istishab, uruf (adat) dan sadd al-zarai' (menutup jalan kepada keburukan) dan seumpamanya.

Ilham tidak boleh dijadikan dalil dalam syarak kerana syarak diambil daripada Rasulullah SAW dan Baginda sendiri tidak bercakap tentang agama tanpa wahyu. Maka, umat Islam lebih-lebih lagi tidak boleh bercakap tanpa dalil. Jika tidak, hukum akan menjadi mengikut sangkaan, hawa nafsu atau akal semata-mata dan ini adalah amalan ahli bidaah dan kesesatan.

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa sandaran itu sama ada dalil qat'i (pasti) seperti al-Quran dan hadis mutawatir, maka ijmak itu menguatkan dalil tersebut atau dalil zanni (tidak pasti) seperti khabar ahad dan qiyas. Maka, hukum yang asalnya zanni menjadi pasti dan yakin dengan adanya ijmak.

Maslahah mursalah (kepentingan umum yang tidak disebut secara khusus dalam nas) juga boleh menjadi sandaran ijmak. Jika masalah berubah, maka hukum yang disepakati sebelum ini juga harus berubah kepada hukum yang sesuai dengan keadaan baru. Contohnya:

**1. Penetapan Harga (Tas'ir)** - Sebahagian fuqaha di Madinah mengharuskan penetapan harga barangan (*tas'ir*) oleh pemerintah bagi mengelakkan manipulasi pasaran. Walaupun pada zaman sahabat tindakan ini biasanya tidak dilakukan bagi menghormati kebebasan pasaran, namun perubahan keadaan ekonomi dan keperluan untuk melindungi rakyat jelata menjadikan hukum ini dibenarkan.

**2. Pemberian Zakat kepada Bani Hasyim** - Imam Malik dan Abu Hanifah membenarkan pemberian zakat kepada golongan Bani Hasyim apabila sumber kewangan daripada Baitulmal (bahagian *khumus*) tidak lagi sampai kepada mereka. Walaupun pada asalnya golongan ini dilarang menerima zakat, namun hukum tersebut berubah demi menjaga kelangsungan hidup mereka ekoran perubahan sistem pengurusan Baitulmal.

**3. Kesaksian Ahli Keluarga Terdekat** - Para imam mazhab melarang kesaksian antara suami isteri serta antara *usul* (ibu bapa) dan *furu'* (anak cucu). Walaupun kesaksian ahli keluarga pernah dibenarkan pada zaman sahabat, tegahan ini dibuat pada zaman kemudiannya bagi menutup pintu fitnah (*sadd az-zara'i'*) dan memastikan hak manusia tidak hilang akibat keraguan dalam kesaksian yang berat sebelah.

**4. Pengurusan Tanah Taklukan (Tanah Kharaj)** - Antara contoh ijmak yang bersandarkan kepada *Maslahah Mursalah* ialah kesepakatan para sahabat pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. untuk tidak membahagikan tanah yang ditakluk melalui peperangan kepada para tentera. Sebaliknya, tanah tersebut dikekalkan sebagai milik negara dan dikenakan cukai (*kharaj*).

**Tujuan keputusan ini diambil bertujuan:**

- Menjamin Sumber Tetap: Memastikan Baitulmal mempunyai pendapatan berterusan bagi membiayai kepentingan awam.
- Pembangunan Infrastruktur: Membiayai pertahanan sempadan, pembinaan jambatan, pengairan sungai dan kemudahan awam lain.
- Kebajikan Sosial: Menampung gaji hakim, kakitangan awam serta bantuan kepada golongan fakir miskin.
- Keadilan Sejagat: Memastikan manfaat harta negara dirasai oleh seluruh umat Islam secara adil dan berpanjangan, bukannya tertumpu kepada segelintir individu sahaja.

Antara contoh ijmak ialah ijmak para sahabat dalam mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf serta penambahan azan ketiga untuk solat Jumaat pada zaman Khalifah Uthman r.a.. Tujuannya adalah untuk memberi peringatan kepada orang ramai tentang waktu solat, khususnya mereka yang jauh dari masjid supaya mereka tidak terlepas solat. Sandaran mereka ialah masalahah (kepentingan umum) dan untuk mengelakkan mudarat yang timbul jika keadaan itu dibiarkan seperti pada zaman Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar r.a..

## **KEKUATAN IJMAK**

Sepertimana ijmak boleh berlaku terhadap hukum sesuatu peristiwa, ia juga boleh berlaku dalam mentakwil nas, mentafsirkan nas atau menjelaskan sebab hukum sesuatu nas.

### **Hujah (kekuatan) ijmak:**

Apabila ijmak telah berlaku dengan cara yang sah, iaitu semua mujtahid bersepakat pada satu hukum dalam sesuatu perkara, maka hukum tersebut menjadi wajib diikuti dan tidak boleh disanggahi. Tidak dibenarkan bagi generasi selepasnya untuk membatalkannya kerana hukum tersebut telah menjadi hukum yang pasti (qat'i), sama seperti al-Quran dan sunnah.

Namun, jika dalil yang menjadi asas ijmak itu bersifat qat'i, maka ijmak bukanlah dalil yang berdiri sendiri tetapi hanya menguatkan dalil tersebut. Jika dalilnya bersifat zanni (tidak pasti), maka ijmak menjadi dalil yang berdiri sendiri dari sudut istidlal (penghujahan), iaitu cukup dijadikan hujah tanpa perlu kembali kepada dalil asal secara langsung. Namun, ini tidak bermakna ijmak mencipta hukum baharu sendiri kerana sumber sebenar hukum tetap syarak.

Menurut kebanyakan ulama, ijmak ialah hujah yang qat'i sehingga orang yang menolaknya boleh dihukum kufur atau dianggap sesat dan bidaah, jika ijmak tersebut diriwayatkan secara mutawatir. Tetapi jika ijmak itu diriwayatkan secara ahad atau berbentuk ijmak sukuti (diam tanpa bantahan), maka ia hanya memberi manfaat zann (sangkaan), bukan keyakinan penuh.

Menurut sebahagian ulama seperti al-Āmidī, Imam al-Haramayn, al-Isnawī dan Ibn al-Hājib, orang yang menafikan ijmak tidak menjadi kafir kecuali dalam keadaan tertentu seperti:

- Perkara yang diketahui umum oleh orang awam (daruriyyat al-din) seperti kewajipan solat lima waktu.
- Kewajipan beriman kepada tauhid dan kenabian.
- Apabila seseorang mengakui adanya ijmak tetapi kemudian menafikan hukum yang telah disepakati.

Hal ini demikian kerana penafian tersebut membawa kepada pendustaan terhadap syarak dan sesiapa yang mendustakan syarak boleh jatuh kufur.

### **Dalil-dalil ijmak daripada al-Quran dan Sunnah:**

#### **1. Al-Quran:**

Antara ayat yang menunjukkan hujah ijmak ialah firman Allah:

*“Dan sesiapa yang menentang Rasul selepas jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang beriman, Kami biarkan dia dalam kesesatannya dan Kami masukkan dia ke dalam neraka...” (Surah an-Nisa’: 115)*

Ayat ini menunjukkan bahawa mengikuti selain jalan orang beriman adalah satu kesalahan besar, sama seperti menentang Allah dan Rasul. Jika menentang Allah dan Rasul adalah haram, maka mengikuti jalan selain orang beriman juga haram. Maka, mengikuti jalan orang beriman adalah wajib dan ini menunjukkan bahawa ijmak adalah hujah yang wajib diikuti.

Antara ayat lain ialah:

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan ulil amri dalam kalangan kamu...” (Surah an-Nisa’: 59)*

Ulil amri dalam urusan politik ialah pemerintah, manakala dalam urusan agama ialah para ulama mujtahid. Jika mereka semua bersepakat dalam sesuatu hukum ijtiihad, maka wajib diikuti berdasarkan perintah Allah.

## 2. Sunnah:

Ijmak para mujtahid mewakili umat Islam dan terdapat banyak hadis sahih yang menunjukkan bahawa umat ini tidak akan sepakat di atas kesesatan. Walaupun hadis-hadis tersebut tidak mutawatir secara lafaz, namun maknanya kuat dan saling menguatkan antara satu sama lain.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, ijmak merupakan salah satu sumber penting dalam perundangan Islam yang berperanan mengukuhkan penetapan hukum syarak selepas al-Quran dan al-Sunnah. Pemahaman terhadap definisi, jenis-jenis, syarat-syarat serta kehujahan ijmak membantu menjelaskan bagaimana kesepakatan para mujtahid dijadikan sandaran dalam menentukan hukum bagi sesuatu isu yang dihadapi oleh umat Islam.

Selain itu, penguasaan terhadap konsep ijmak dapat meningkatkan kefahaman tentang metodologi istinbat hukum yang digunakan oleh para ulama serta kepentingannya dalam memastikan keseragaman dan kestabilan hukum syarak. Dengan memahami kedudukan dan peranan ijmak, pelajar dapat menghargai sumbangannya sebagai dalil syarak yang diiktiraf dalam menjaga kemaslahatan dan kesatuan umat Islam.

## SESI KELIMA

# DALIL QIYAS

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Pada akhir sesi ini, peserta akan dapat memahami bahawa proses pengeluaran hukum oleh para ulama dalam qiyas memerlukan ketekunan yang tinggi serta penguasaan pelbagai kemahiran ilmu yang mendalam dalam Usul Fiqh.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Qiyas
- Pembahagian Qiyas
- Rukun dan Syarat Qiyas
- Cara-cara Penentuan 'Illah
- Kehujahan Qiyas

## **SESI KELIMA: DALIL QIYAS**

### **PENDAHULUAN**

Qiyas merupakan salah satu dalil syarak yang digunakan oleh para ulama untuk menentukan hukum bagi sesuatu permasalahan baharu yang tidak mempunyai nas yang jelas daripada al-Quran atau al-Sunnah. Melalui qiyas, sesuatu hukum dapat ditetapkan dengan menghubungkan masalah baharu kepada hukum asal yang mempunyai persamaan pada aspek sebab atau 'illah hukum. Kaedah ini menunjukkan keanjalan dan kesesuaian syariat Islam dalam menangani pelbagai isu yang berkembang mengikut peredaran zaman.

Modul ini akan membincangkan konsep qiyas secara menyeluruh, meliputi definisi dan pembahagiannya, rukun serta syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam pelaksanaan qiyas, kaedah-kaedah penentuan 'illah serta kehujahan qiyas sebagai salah satu sumber perundangan Islam. Pemahaman terhadap topik ini penting bagi menguasai metodologi istinbat hukum dan memahami peranan qiyas dalam perkembangan fiqh Islam.

### **DEFINISI QIYAS**

Secara literal, qiyas bermaksud mengukur atau menentukan panjang, berat atau kualiti sesuatu. Sebab itu, alat penimbang disebut miqyas. Qiyas juga bermaksud perbandingan untuk menunjukkan persamaan atau keserupaan antara dua perkara. Dengan itu, qiyas membawa maksud persamaan atau keserupaan yang rapat antara dua perkara, yang salah satunya dijadikan ukuran untuk menilai yang satu lagi.

Dari segi istilah syarak, qiyas ialah peluasan hukum syarak daripada satu kes asal (asl) kepada kes baharu kerana kes baharu itu mempunyai sebab hukum yang sama dengan kes asal. Kes asal ini telah mempunyai hukum berdasarkan nas (al-Quran atau sunnah) dan qiyas digunakan untuk memindahkan hukum yang sama kepada kes baharu.



Peluasan hukum melalui qiyas hanya boleh dilakukan jika kes baharu tidak mempunyai hukum yang jelas dalam al-Quran, sunnah atau ijmak yang pasti. Jika sudah ada nas atau ijmak, maka tidak perlu lagi kepada qiyas. Qiyas hanya digunakan untuk perkara yang tidak disebut secara langsung dalam sumber utama hukum dan hukum bagi kes tersebut diambil melalui proses analogi berdasarkan sebab hukum yang sama.

Dalam penggunaan fuqaha, perkataan qiyas kadang-kadang juga digunakan untuk merujuk kepada prinsip umum. Sebab itu, terdapat ungkapan bahawa sesuatu hukum itu bercanggah dengan qiyas atau bercanggah dengan prinsip umum syarak walaupun tidak semestinya merujuk kepada qiyas dalam makna teknikal.

## **JENIS-JENIS QIYAS**

Pembahagian Qiyas (أقسام القياس):

Qiyas terbahagi kepada qiyas aulā, qiyas adnā dan qiyas musāwī dan juga terbahagi kepada qiyas jalī dan qiyas khafī.

Qiyas dibahagikan berdasarkan tahap kejelasan 'illah (sebab hukum), kekuatan dan kewujudannya pada far' (cabang) kepada:

### **1) Qiyas Aulā**

laitu apabila far' lebih utama menerima hukum berbanding asal kerana 'illah padanya lebih kuat.

Contohnya: Mengqiyaskan memukul kepada berkata “ah” (التأفیف) dengan sebab kedua-duanya menyakiti. Maka, memukul lebih utama diharamkan kerana mudaratnya lebih besar. Jika berkata “ah” dilarang dalam firman Allah:

﴿ فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ ﴾

Maka memukul adalah lebih utama untuk dilarang.

(Surah al-Isra', ayat 23)

Qiyas ini dinamakan oleh mazhab Syafi'i sebagai qiyas pada makna asal dan oleh mazhab Hanafi sebagai dalālah al-nass atau mafhum al-muwāfaqah.

## 2) Qiyas Musāwī

laitu apabila far' (cabang) sama dengan asal dari segi hukum tanpa kelebihan antara kedua-duanya.

Contohnya: Mengqiyaskan membakar harta anak yatim dengan memakan harta mereka kerana kedua-duanya melibatkan pemusnahan harta, maka kedua-duanya haram.

Contoh lain: Mengqiyaskan hamba lelaki dengan hamba perempuan (الأمّة) dalam pembahagian hukuman separuh apabila melakukan kesalahan yang dikenakan hudud, berdasarkan firman Allah:

﴿ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ ﴾

“Jika mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka ke atas mereka separuh daripada hukuman yang dikenakan ke atas wanita-wanita yang merdeka (yang terpelihara kehormatannya).”

(Surah an-Nisa', ayat 25)

### 3) Qiyas Adnā

Qiyas Adnā berlaku apabila kekuatan *'illah* (sebab hukum) pada *far'* (cabaran/perkara baharu) adalah lebih lemah atau lebih rendah tahapnya berbanding dengan *asal* (perkara pokok). Walaupun kedua-duanya berkongsi *'illah* yang sama, namun hubungannya dengan hukum tidak sekuat yang terdapat pada *asal*.

Contoh-contoh:

· Epal diqiyaskan kepada Gandum:

Mengqiyaskan epal kepada gandum dalam bab riba (perniagaan). *'illah* yang digunakan mungkin dari sudut “rasa” atau “makanan asasi”. Walau bagaimanapun, sifat makanan asasi pada epal adalah lebih lemah (*adnā*) berbanding gandum yang merupakan makanan ruji yang lebih utama.

· Nabīdh Diqiyaskan kepada Khamr:

Mengqiyaskan *nabīdh* (minuman peraman daripada selain anggur yang memabukkan) kepada *khamr* (arak anggur) dalam aspek pengharaman dan kewajipan hukuman *hudud*. Walaupun kedua-duanya memabukkan, kekuatan sifat memabukkan atau status keharamannya secara tekstual pada *khamr* adalah lebih tinggi dan jelas berbanding *nabīdh*.

## Perbezaan Ringkas Jenis Qiyas

Untuk memudahkan pemahaman perbandingan antara qiyas adnā dengan jenis yang lain:

| Jenis Qiyas  | Perbandingan Kekuatan 'Illah    | Contoh Ringkas                                                                     |
|--------------|---------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| Qiyas Aulā   | Far' lebih kuat daripada asal.  | Mengharamkan memukul orang tua (diqiyaskan daripada larangan berkata "ah").        |
| Qiyas Musāwi | Far' sama kuat dengan asal.     | Mengharamkan membakar harta anak yatim (diqiyaskan daripada memakan harta mereka). |
| Qiyas Adnā   | Far' lebih lemah daripada asal. | Mengqiyaskan epal kepada gandum dalam hukum riba.                                  |

## Pembahagian Kedua

Qiyas juga dibahagikan dari segi kekuatan dan kejelasan kepada:

### 1) Qiyas Jalī

Menurut mazhab Mazhab Syafi'i, qiyās jalī ialah qiyās yang 'illahnya dinyatakan secara jelas dalam nas (mansūs) atau walaupun tidak dinyatakan, namun dapat dipastikan bahawa tiada perbezaan yang memberi kesan antara *asal* dan *far'*.

Contohnya:

- Mengqiyaskan hamba perempuan kepada hamba lelaki dalam hukum pembebasan kerana perbezaan jantina tidak memberi kesan dari sudut hukum.
- Mengqiyaskan larangan memukul ibu bapa kepada larangan berkata “ah” kerana kedua-duanya berkongsi ‘illah menyakiti ibu bapa, bahkan memukul lebih berat.

Qiyās jalī merangkumi Qiyās musāwī (setara) dan Qiyās awlā (lebih utama).

## 2) Qiyas Khafī

Qiyās khafī ialah qiyās yang tidak dapat dipastikan bahawa perbezaan antara *asal* dan *far’* tidak memberi kesan, dan ‘illahnya diperoleh melalui proses istinbāt (pengeluaran hukum), bukan secara jelas daripada nas.

Contohnya:

- Mengqiyaskan pembunuhan menggunakan alat berat (seperti kayu atau batu) kepada pembunuhan menggunakan alat tajam kerana kedua-duanya melibatkan unsur pembunuhan sengaja.

Namun, perbezaan antara kedua-duanya tidak dipastikan dihapuskan oleh syarak, maka ada kemungkinan perbezaan tersebut memberi kesan kepada hukum. Oleh itu, Imam Abu Hanifah tidak mewajibkan qisas dalam kes pembunuhan menggunakan alat berat. Qiyas khafī hanya melibatkan qiyas adnā.

Makna qiyas jalī dan khafī menurut mazhab Hanafi adalah berbeza. Qiyas Jalī adalah qiyas yang jelas dan mudah difahami kerana ‘illahnya nyata. Qiyas Khafī (Istihsan) adalah qiyas yang ‘illahnya tersembunyi dan halus serta tidak jelas pada pandangan biasa.

Contohnya:

Ijarah (sewaan) diharuskan berdasarkan istihsan walaupun menurut qiyas asal ia tidak sah kerana melibatkan sesuatu yang belum wujud (manfaat masa hadapan). Begitu juga salam dan istisna', kedua-duanya diharuskan melalui istihsan walaupun bercanggah dengan qiyas umum yang melarang jual beli sesuatu yang belum wujud.

## **rukun qiyas**

Keperluan asas (rukun) qiyas seperti yang ditunjukkan dalam definisi adalah seperti berikut:

1. Kes asal (asl) – iaitu kes yang telah mempunyai hukum berdasarkan nas dan qiyas berusaha untuk memperluas hukum tersebut kepada kes baharu.
2. Kes baharu (far') – iaitu kes yang belum mempunyai hukum yang jelas dan memerlukan penentuan hukum.
3. 'Illah (sebab hukum) – iaitu sifat atau ciri (wasf) yang terdapat pada kes asal dan juga wujud pada kes baharu, yang menjadi asas persamaan antara kedua-duanya.
4. Hukum (hukm) – iaitu hukum yang dikenakan ke atas kes asal, yang kemudiannya diperluaskan kepada kes baharu melalui qiyas.

Setiap daripada empat rukun (arkan) qiyas hendaklah memenuhi beberapa syarat lain yang bertujuan memastikan ketepatan dan kesahihan dalam penggunaannya. Berikut adalah penjelasannya.

Sebelum ini telah dijelaskan bahawa qiyas tidak akan terjadi kecuali apabila terdapat kesemua rukun-rukun yang diperlukan, iaitu kes asal yang menjadi asas perbandingan (al-Asl), kes baru yang dibandingkan dengan kes asal (al-Far'u) dan sebab hukum atau 'illah (al-'illah), hukum asal yang menjadi penentu kepada hukum baru/al-Far'.

Bagaimanapun, kewujudan rukun-rukun di atas tidak dengan sendirinya menjadikan qiyas itu sah dan terpakai kerana setiap rukun perlu memenuhi syarat-syarat bagi menjadikannya sesuai sebagai asas kepada qiyas.

Berikut merupakan syarat-syarat qiyas dengan terperinci:

a) Kes Asal (al-Asl)

Disyaratkan ia bukanlah merupakan kes bandingan (al-Far') kepada kes asal yang lain. Ini bererti hukum mengenainya mestilah berasaskan kepada nas atau ijmak dan bukan berasaskan kepada qiyas ke atas kes lain. Dengan kata lain, qiyas tidak boleh dilakukan secara berangkai di mana kes bandingan boleh menjadi asas kepada kes bandingan yang lain. Jika terjadi banyak kes bandingan (al-Far') yang serupa, semuanya perlu dirujuk kepada kes asal (al-Asl) yang satu.

b) Kes Baru (al-Far')

Ia perlu memenuhi beberapa syarat. Antaranya:

i) Al-Far' mempunyai 'illah yang sama dengan yang wujud pada al-Asl.

ii) Tidak terdapat nas atau ijmak yang menunjukkan hukum yang berlawanan dengan hukum yang diqiyaskan antara al-Asl dan al-Far'. Jika terdapat keadaan seperti itu, qiyas berkenaan perlu ditolak atas alasan menyalahi nas atau ijmak.

Antara contoh kes seperti ini adalah seperti orang musafir harus meninggalkan puasa berdasarkan firman Allah:

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَر

*“Dan sesiapa yang sakit atau dalam keadaan musafir, maka bolehlah ia berbuka kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu.”*

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Maka, jika dikatakan seorang yang bermusafir tidak wajib menunaikan solat kerana diqiyaskan dengan tidak wajibnya mereka berpuasa, adalah batal. Ini disebabkan ia menyalahi ijmak, yang mengatakan bahawa solat tidak boleh ditinggalkan kerana bermusafir, bahkan wajib ditunaikan dalam apa jua keadaan.

iii) Al-Far’ berlaku terkemudian daripada terjadinya kes asal. Dengan kata lain, dari segi kronologi ia bukan kes yang pernah terjadi sebelum ada nas atau ijmak tentang hukum kes asal (al-Asl) dalam qiyas berkenaan.

iv) Menerima hukum yang sama dengan hukum kes yang asal (al-Asl), sama ada dalam sifat atau jenis. Antara contoh persamaan sifat ialah hukum wajib qisas bagi kes pembunuhan dengan menggunakan benda tumpul berasaskan qiyas kepada hukum yang sama bagi kes pembunuhan dengan senjata tajam. Dalam contoh ini, kedua-dua hukum itu berasaskan sifat yang sama, iaitu wajib qisas.

#### c) Sebab Hukum atau ‘Illah

Perlu memenuhi syarat-syarat yang lebih banyak. Antara syarat yang dipersetujui oleh semua fuqaha adalah seperti berikut:

i) Ia mestilah satu sifat yang jelas dan dapat dikenal pasti dengan nyata. Antara contoh yang popular ialah sifat “mabuk” yang terhasil daripada perbuatan meminum arak. Ia merupakan suatu yang jelas dan dapat dibuktikan. Begitu juga sifat “muda” (bawah umur) yang dapat dikenal pasti pada seorang wanita bawah umur.



ii) Ia suatu sifat yang konsisten, iaitu tidak mengalami apa-apa perubahan disebabkan perubahan orang, keadaan dan masa. Sifat ini penting bagi memenuhi keperluan persamaan antara kes asal (al-Asl) dan kes baru (al-Far’).

iii) Ia semestinya merupakan sifat yang munasabah (al-munasib) dengan hukum berkenaan. Dalam erti ada hubungan kemunasabahan antara hukum dan ‘illah seperti haramnya arak yang sesuai dengan sebab sifatnya memabukkan sehingga peminumnya akan hilang keupayaan akal.

iv) Ia suatu sifat yang transitif, iaitu boleh dipindahkan kepada mana-mana kes yang sesuai dan tidak terhad kepada kes asal sahaja. Sebagai contoh, sifat sebagai “gandum” tidak boleh dijadikan ‘illah kepada pengharaman riba dalam urusan jual beli bijirin berkenaan kerana sifat seperti ini hanya ada pada gandum dan tidak boleh diguna pakai pada bijirin lain.

#### d) Hukum Kes Asal (Hukm al-Asl)

Hukum kes asal yang akan diguna pakai untuk kes baru (al-Far’) juga perlu memenuhi syarat-syarat tertentu. Antaranya ialah:

i) Ia merupakan hukum amali yang sabit melalui al-Quran atau al-Sunnah dan ijmak. Apa yang dimaksudkan dengan hukum amali ialah hukum-hukum yang berkait dengan perbuatan manusia. Ia tidak termasuk hukum-hukum mengenai akidah kerana ia tidak boleh diqiyaskan.

ii) Ia merupakan hukum yang berasaskan kepada ‘illah yang mampu difahami oleh akal kerana jika akal tidak dapat memahami ‘illahnya, maka pengembangan hukum melalui qiyas tidak akan dapat dilakukan. Hal ini demikian kerana qiyas itu sendiri banyak bergantung kepada memahami ‘illah pada hukum asal dan menyedari kewujudannya juga pada kes baru (al-Far’).

iii) Ia bukan merupakan “hukum khusus” bagi kes asal itu sahaja. Hal ini demikian kerana qiyas memerlukan pemindahan hukum berkenaan kepada kes lain.

iv) Ia merupakan hukum yang lazimnya boleh diqiyaskan. Hukum yang lazimnya boleh diqiyaskan ialah hukum yang mempunyai ‘illah, sama ada yang dijelaskan oleh nas atau yang disimpulkan melalui penganalisan. Di samping itu, hukum ini akan didapati sabit apabila wujudnya ‘illah.

v) Dalil bagi hukum asal tidak merangkumi hukum bagi kes baru berkenaan.

vi) Ia mesti lahir lebih awal daripada hukum kes baru (al-Far’).

## CARA-CARA PENENTUAN ‘ILLAH (مسالك العلة)

‘Illah menjadi unsur paling utama dalam amalan qiyas. ‘Illah ini dapat dikenal pasti melalui beberapa kaedah. Perbincangan mengenai kaedah penentuan ‘illah bertujuan mengetahui sama ada nilai atau sifat kebersamaan antara kes asal dengan kes baru diambil kira oleh syarak dalam menentukan persamaan hukum antara keduanya. Para ulama telah menyusun beberapa kaedah seperti berikut:

### a) Nas (النص)

Maksudnya, ‘illah berkenaan dinaskan oleh al-Quran atau al-Sunnah sama ada secara qat’i atau zanni. Yang dimaksudkan dengan nas secara qat’i ialah nas yang menyebut secara jelas sampai tidak mempunyai kemungkinan makna lain selain menjelaskan bahawa sesuatu sifat itu menjadi ‘illah kepada hukum tertentu. Misalnya dengan menyebut “berasaskan ‘illah”, “berasaskan sebab”, “oleh kerana”, “supaya” dan sebagainya.

Antara contoh nas seperti ini ialah firman Allah:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ  
السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

*“Apa sahaja harta rampasan (fai’) yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya yang berasal daripada penduduk kota, maka adalah untuk Allah, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-*

*anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang dalam perjalanan supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu”.*

(Surah al-Hasyr 59: 7)

Perkataan (كَيْ) “supaya” dalam ayat di atas hanya digunakan untuk menyatakan ‘illah dan tidak pernah digunakan untuk pengertian lain. Oleh sebab itu, tidak ada kemungkinan ia memberi erti selain maksud pernyataan ‘illah.

Sementara nas secara zanni pula ialah nas yang menunjukkan ada pernyataan ‘illah tetapi tidak sampai ke peringkat tiada kemungkinan maksud lain langsung. Dengan kata lain, nas tersebut ada menunjukkan suatu sifat tertentu sebagai ‘illah tetapi terdapat kemungkinan lain yang lebih kecil, iaitu ada sesuatu yang lain bersifat demikian. Sebagaimana dalam kategori pertama tadi, nas kategori kedua ini juga menggunakan ungkapan-ungkapan tertentu untuk tujuan tersebut.

Antara perkataan atau ungkapan tersebut ialah “Lam” (ل), “Ba” (ب), dan “In” (ان). Sebagai contoh, firmah Allah dalam surah Taha ayat 14 yang bermaksud: “Dan dirikanlah solat untuk mengingatkan”. Perkataan “untuk” dalam ayat tersebut dianggap sebagai zanni kerana ia tidak semestinya menunjukkan sebab/‘illah, bahkan kadang-kadang makna pemilikan atau kepunyaan.

## **b) Isyarat (الإيماء)**

Dalam bahasa Arab, ijmak bererti isyarat secara halus. Apa yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah ketentuan ‘illah berkenaan bukan berasaskan kepada pengertian atau maksud zahir ungkapan nas tetapi daripada isyarat halus yang wujud dalam nas. Ia berbeza dengan kaedah pertama, iaitu “nas” kerana ketentuan ‘illah dalam kaedah ini difahami daripada pengertian zahir perkataan itu sendiri.

Sebagai contoh, hukum yang dikaitkan dengan ‘illah melalui penggunaan kata sendi (maka) atau (kerana), iaitu huruf (fa’). Contohnya dalam ayat (السارق والسارقة فاقطعوا أيديهما ).

Huruf fa' dalam ayat ini menunjukkan kaitan antara hukum, iaitu “potong tangan dengan perbuatan mencuri”.

Kaitan ini secara isyaratnya menunjukkan bahawa mencuri menjadi ‘illah kepada hukum potong tangan. Oleh itu, pertalian antara hukum dan ‘illah tidak disebutkan secara jelas oleh nas tetapi ada tanda dan isyarat yang boleh difahami bahawa antara kedua-duanya ada kaitan dalam bentuk hukum dan sebab hukum.

### **c) Ijmak (الاجماع)**

Ijmak ialah persepakatan para fuqaha pada mana-mana zaman tentang kedudukan sesuatu sebagai ‘illah kepada suatu hukum tertentu.

Sebagai contoh, ijmak para fuqaha menjadikan gabungan pertalian seibu dan sebapa antara adik beradik kandung sebagai ‘illah untuk mereka mendapat keutamaan berbanding adik-beradik sebapa dalam masalah pusaka. ‘Illah tersebut kemudiannya digunakan sebagai asas bagi mengutamakan adik-beradik seibu sebapa berbanding adik-beradik sebapa dalam masalah wali perkahwinan dan hadanah berasaskan prinsip qiyas.

### **d) Penyaringan (السير والتقسيم)**

Maksudnya, proses menyaring ‘illah bagi sesuatu yang mungkin boleh dijadikan ‘illah bagi kes asal dan kemudiannya sifat-sifat ini akan disaring dengan menyingkirkan sifat yang tidak sesuai menjadi ‘illah sehingga hanya tinggal sifat-sifat yang sesuai untuk dijadikan ‘illah sahaja. Penyaringan dibuat berasaskan dalil dan bukti bahawa sesuatu sifat itu tidak sesuai dan tidak menepati ciri-ciri suatu ‘illah.

Antara contohnya adalah masalah kuasa mujbir di tangan wali. Kenapakah wali memiliki kuasa paksaan/ijbar dalam mengahwinkan anak perempuan yang masih dara? Antara sifat yang boleh disenaraikan sebagai ‘illah ialah kanak-kanak tersebut di bawah umur atau kanak-kanak tersebut masih dara. Dengan melihat kepada penelitian yang perlu dibuat dalam menyaring sifat-sifat ini, para sarjana hukum menolak kemungkinan sifat “masih di bawah umur” untuk menjadi ‘illah bagi kes ini. Hal ini demikian kerana terdapat hadis Rasulullah SAW yang bertentangan dengan sifat tersebut.

Baginda menyebutkan: **الثيب أحق بنفسها من وليها** maksudnya: “Janda lebih berhak ke atas dirinya berbanding walinya”. Daripada hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa janda sama ada sudah baligh ataupun tidak, lebih berhak membuat keputusan mengenai perkahwinannya berbanding dengan walinya. Secara tersirat, wali bagi wanita bukan janda (iaitu anak dara) lebih berhak ke atas diri anak dara tersebut. Justeru, sifat sebagai anak dara menjadi ‘illah bagi hukum kuasa ijbar di tangan wali.

#### **e) Kesesuaian (المناسبة)**

Dalam penggunaan biasa, kesesuaian bererti keselarasan dan kesamaan. Sebagai satu istilah, ia diuraikan oleh para fuqaha sebagai keserasian (الملائمة) yang terdapat antara gejala (الوصف) dan hukum. Ia sampai kepada peringkat yang boleh menjadi asas kepada penentuan hukum yang mampu merealisasikan kepentingan (المصلحة) yang menjadi objektif kepada syariat Islam dalam menentukan hukum berkenaan, iaitu menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan.

Antara contoh popular yang selalu disebutkan ialah “mabuk”. Ia adalah gejala yang serasi atau sesuai menjadi asas kepada pengharaman arak. Tambahan pula keserasian tersebut juga boleh mencapai matlamat syarak dalam pensyariaan hukum, iaitu untuk mendapat manfaat dan menolak mudarat kerana arak boleh merosakkan fungsi akal.

## KEHUJAHAN QIYAS

### **Dalil-dalil (hujah) jumhur ulama yang mensabitkan (menerima) qiyas.**

Jumhur ulama berhujah bahawa qiyas merupakan dalil syarak yang sah dan boleh dijadikan sandaran hukum. Mereka mengemukakan empat jenis dalil, iaitu daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan akal yang sejahtera.

#### **1. Dalil daripada al-Quran**

Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menunjukkan keharusan menggunakan qiyas, antaranya:

a) Firman Allah Taala:

*“Maka ambillah iktibar wahai orang-orang yang mempunyai pandangan.”*

(Surah al-Hashr: 2)

Maksudnya, selepas Allah menceritakan apa yang menimpa Bani Nadhir kerana kekufuran dan gangguan mereka terhadap Rasulullah SAW serta orang beriman, Allah memerintahkan manusia supaya mengambil pengajaran. Ertinya, bandingkan keadaan diri dengan mereka. Jika sebab yang sama berlaku, maka akibat yang sama juga boleh berlaku. Ini merupakan asas qiyas.

b) Firman Allah Taala:

*“Jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul.”*

(Surah al-Nisa' 4: 59)

Perkara baharu yang tiada nas khusus boleh dirujuk kepada hukum yang sudah ada nas, apabila kedua-duanya mempunyai sebab hukum yang sama. Inilah hakikat qiyas.

c) Firman Allah Taala:

*“Katakanlah: Yang akan menghidupkannya ialah Tuhan yang menciptakannya kali pertama.”*

(Surah Yasin 36: 79)

Allah menjelaskan kebangkitan semula selepas mati dengan membandingkannya kepada penciptaan kali pertama. Jika Allah mampu mencipta dari tiada, maka menghidupkan semula tentu lebih mudah. Ini juga bentuk qiyas.

## **2. Dalil daripada al-Sunnah**

Terdapat hadis yang menunjukkan qiyas diiktiraf oleh Rasulullah SAW sama ada melalui perkataan atau perbuatan Baginda.

a) Pengakuan Rasulullah terhadap ijtihad Muaz bin Jabal

*Apabila Muaz bin Jabal diutus ke Yaman sebagai hakim, Rasulullah SAW bertanya:*

*“Bagaimana kamu akan memutuskan hukum jika datang sesuatu isu?” Muaz menjawab: “Aku akan berhukum dengan Kitab Allah. Jika tiada, maka dengan sunnah Rasulullah. Jika tiada juga, aku akan berijtihad dengan pandanganku.” Lalu, Rasulullah SAW memuji jawapan tersebut.*

Ijtihad dengan pandangan ini termasuk penggunaan qiyas.

b) Qiyas haji bagi pihak bapa yang uzur

*Seorang lelaki (atau menurut riwayat lain, seorang wanita) bertanya tentang bapanya yang tua dan tidak mampu menunaikan haji. Rasulullah SAW bertanya: “Jika bapamu mempunyai hutang dan kamu membayarnya, adakah ia diterima?” Dia menjawab: Ya. Lalu Baginda bersabda: “Maka tunaikanlah haji bagi pihaknya.”*

Baginda mengqiyaskan kewajipan haji dengan kewajipan melangsaikan hutang.

c) Qiyas mencium ketika berpuasa

*Umar RA bertanya tentang hukum mencium isteri ketika berpuasa. Rasulullah SAW bertanya: “Bagaimana jika kamu berkumur ketika berpuasa?” Umar menjawab: “Tiada masalah.”*

Baginda menjelaskan bahawa kedua-duanya hanyalah pendahuluan kepada sesuatu perkara dan tidak membatalkan puasa.

d) Kes anak berkulit hitam

*Seorang lelaki mempersoalkan warna kulit anaknya yang hitam. Rasulullah SAW bertanya tentang warna unta miliknya. Lelaki itu menjawab kebanyakannya merah tetapi ada yang kelabu kehitaman. Baginda bertanya sebabnya, lalu lelaki itu menjawab mungkin diwarisi daripada keturunan terdahulu. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa keadaan anaknya juga demikian.*

Ini ialah qiyas melalui contoh keturunan.

### **3. Dalil daripada Ijmak Sahabat**

Para sahabat banyak menggunakan qiyas dan tiada bantahan daripada sahabat lain. Ini menunjukkan mereka bersepakat bahawa qiyas adalah hujah syarak.

Antara contoh:

a) Pelantikan Abu Bakar sebagai khalifah

Para sahabat mengqiyaskan kepimpinan negara dengan kepimpinan solat.

*Mereka berkata: “Rasulullah meredainya untuk urusan agama kita (menjadi imam solat), maka tidakkah kita meredainya untuk urusan dunia kita?”*



b) Hukuman bunuh secara bersama

Mereka memutuskan bahawa jika sekumpulan orang membunuh seorang mangsa, semuanya boleh dikenakan hukuman sebagaimana sekumpulan pencuri yang bersama-sama mencuri boleh dikenakan hukuman.

c) Surat Umar kepada Abu Musa al-Ash'ari

Umar r.a. menulis kepada Abu Musa:

*“Kenalilah perkara-perkara yang serupa dan bandingkanlah urusan itu dengan pandanganmu.”*

Ini jelas menunjukkan penggunaan qiyas.

#### **4. Dalil Aqli (Logik dan Akal)**

Antara hujah akal yang penting ialah:

a) Hukum syarak dibina atas maslahat

Semua hukum syarak bertujuan menjaga kepentingan manusia. Jika dua perkara mempunyai sebab hukum yang sama, maka hukumnya juga sama.

Contohnya:

Tidak munasabah arak diharamkan kerana memabukkan tetapi minuman lain yang juga memabukkan dihalalkan.

Tidak munasabah riba hanya diharamkan pada beberapa barang tertentu sahaja, sedangkan barang lain yang sama sifatnya dibenarkan.

b) Nas terhad, peristiwa manusia tidak terhad

Ayat al-Quran dan hadis adalah terhad jumlahnya, sedangkan masalah manusia sentiasa bertambah dan tidak berkesudahan. Oleh itu, perlu ada kaedah untuk menentukan hukum bagi isu baharu, iaitu melalui qiyas.

c) Selari dengan fitrah manusia

Secara tabii, manusia sentiasa membuat perbandingan.

Contohnya:

Jika satu perbuatan dilarang kerana zalim, maka semua perbuatan zalim juga dianggap salah. Jika satu makanan rosak dilarang dimakan, maka semua makanan rosak juga perlu dielakkan.

Berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunnah, ijmak sahabat dan pertimbangan akal yang waras, jumhur ulama menetapkan bahawa qiyas ialah sumber hukum Islam yang sah. Melalui qiyas, syariat Islam kekal relevan sepanjang zaman serta mampu menjawab pelbagai isu baharu mengikut keperluan manusia.

### **Dalil-dalil golongan yang menolak qiyas**

Golongan seperti Syiah, al-Nazzam (daripada Muktazilah) dan al-Zahiriyyah menolak kehujahan qiyas sebagai sumber hukum syarak. Mereka mengemukakan empat jenis dalil, iaitu daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan akal.

#### **1. Dalil daripada al-Quran**

a) Firman Allah Taala:

“Kami tidak tinggalkan sesuatu pun di dalam Kitab.”

(Surah al-An‘am 6: 38)

Mereka berhujah bahawa al-Quran telah merangkumi segala perkara, maka tidak perlu lagi kepada qiyas.

Jawapan Jumhur:

Maksud ayat ini ialah al-Quran mengandungi panduan secara umum, bukan secara terperinci bagi setiap isu. Buktinya, banyak hukum syarak tidak disebut secara langsung dalam al-Quran. Maka, hukum itu diketahui sama ada secara terus melalui nas atau secara tidak langsung melalui qiyas.

b) Firman Allah Taala:

“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai ilmu tentangnya.”

(Surah al-Isra’ 17: 36)

Dan firman-Nya:

*“Sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat menggantikan kebenaran sedikit pun.”*

(Surah al-Najm 53: 28)

Mereka menyatakan qiyas hanya menghasilkan zann (sangkaan), bukan ilmu yang yakin. Oleh itu, tidak boleh dijadikan asas hukum.

Jawapan jumhur:

Larangan dalam ayat tersebut berkaitan perkara akidah dan kepercayaan, yang memerlukan keyakinan pasti. Adapun dalam hukum fiqh amali, zann yang kuat diterima oleh para ulama.

Contohnya, menerima hadis ahad, beramal dengan makna zahir nas, menerima kesaksian dua orang saksi. Semua ini berasaskan zann yang rajih (sangkaan kuat).

## **2. Dalil daripada al-Sunnah**

Mereka berhujah dengan hadis:

*“Umat ini suatu ketika beramal dengan al-Quran, suatu ketika dengan sunnah dan suatu ketika dengan qiyas. Apabila mereka melakukan demikian, maka mereka telah sesat.”*

Jawapan jumhur:

Hadis ini dipertikaikan kesahihannya. Jika diterima sekalipun, ia difahami merujuk kepada qiyas yang rosak (qiyas fasid), iaitu:

- Qiyas tanpa sandaran dalil.
- Qiyas yang bercanggah dengan nas.
- Qiyas berdasarkan andaian semata-mata.

Adapun qiyas sahih, yang berasaskan dalil syarak dan maqasid syariah, maka ia diterima.

## **3. Dalil daripada Ijmak Sahabat**

Mereka menyatakan sebahagian sahabat mencela penggunaan qiyas atau pendapat akal dan sahabat lain tidak membantah. Maka, itu dianggap ijmak menolak qiyas.

Antara riwayat yang disebut:

a) Kata-kata Abu Bakar r.a.

Apabila ditanya tentang maksud kalalah, beliau berkata:

*“Langit manakah yang akan menaungiku, bumi manakah yang akan menampungku jika aku berkata tentang Kitab Allah dengan pendapatku sendiri.”*

b) Kata-kata Umar r.a.

*“Jauhilah golongan yang hanya menggunakan pendapat kerana mereka musuh sunnah.”*

Dan beliau juga berkata:

*“Jauhilah al-mukayalah.”*

Apabila ditanya maksudnya, beliau menjawab:

*“Iaitu membuat perbandingan (qiyas).”*

c) Kata-kata Ali r.a.

*“Jika agama diambil dengan akal semata-mata, nescaya menyapu bawah khuf lebih utama daripada atasnya.”*

d) Kata-kata Ibn Abbas r.a.

*“Orang alim akan pergi, lalu manusia mengambil pemimpin jahil yang mengqiyaskan urusan dengan pendapat mereka.”*

Jawapan jumhur:

Riwayat-riwayat ini sebahagiannya lemah atau tidak kukuh. Kalau sah sekalipun, maksudnya bukan menolak qiyas secara mutlak tetapi menolak:

- Pendapat yang ikut hawa nafsu.
- Qiyas tanpa ilmu.
- Qiyas yang bercanggah dengan nas.
- Ijtihad oleh orang yang tidak layak.

Sedangkan qiyas yang memenuhi syarat dan selaras dengan nas tetap diterima.

#### **4. Dalil Aqli (Logik)**

Mereka berhujah bahawa qiyas menyebabkan perbezaan pandangan antara para mujtahid. Akibatnya, timbul pertikaian, percanggahan dan hukum berbeza-beza. Sedangkan syariat tidak sepatutnya bercanggah.

Mereka juga berdalil dengan firman Allah:

*“Dan janganlah kamu berbantah-bantahan, kelak kamu akan gagal dan hilang kekuatan kamu.”*

(Surah al-Anfal 8: 46)

Jawapan jumhur:

Pertikaian yang dilarang adalah dalam perkara aqidah, asas agama, urusan umum negara dan peperangan dan perpaduan umat.

Adapun perbezaan pandangan dalam hukum fiqh cabang hasil ijtihad dibenarkan. Bahkan ia boleh menjadi rahmat kepada umat, keluasan pilihan hukum dan kemudahan mengikut keadaan berbeza.

Perbezaan ini berlaku kerana wahyu telah terhenti, tidak semua isu disebut secara khusus dan tiada siapa maksum selain Nabi SAW.

Oleh itu, para mujtahid berusaha mengeluarkan hukum dan mereka diberi keuzuran jika tersilap.

Golongan yang menolak qiyas mempunyai hujah tersendiri, namun jumhur ulama menjawab bahawa hujah tersebut tidak menafikan qiyas sahih. Yang ditolak sebenarnya ialah qiyas yang rosak, bercanggah dengan nas atau dilakukan tanpa kelayakan ilmu.

Maka, majoriti ulama tetap menerima qiyas sebagai salah satu sumber penting hukum Islam, khususnya bagi menyelesaikan isu-isu baharu yang tiada nas khusus.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, ijmak merupakan salah satu sumber hukum syarak yang penting selepas al-Quran dan al-Sunnah, yang berfungsi memastikan kesepakatan para ulama dalam menentukan hukum-hakam Islam. Kefahaman yang jelas terhadap konsep, syarat dan kehujahan ijmak membantu dalam menilai kedudukannya sebagai dalil yang mengikat umat Islam serta memastikan keseragaman dalam pengamalan hukum syarak.

Manakala qiyas pula memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu baharu yang tidak disebut secara jelas dalam nas, dengan menghubungkan hukum asal kepada kes baharu melalui 'illah yang sama. Penguasaan terhadap kedua-dua dalil ini membolehkan seseorang memahami metodologi istinbat hukum secara lebih sistematik dan berdisiplin, selaras dengan prinsip syariah yang dinamik dan relevan sepanjang zaman.